ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan mengajar amalan-amalan soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Ganjaran mereka di sisi Tuhan ialah syurga-syurga dan, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pula reda terhadap-Nya. Yang demikian itu ialah (ganjaran) bagi orang yang takut kepada Tuhannya".**
**Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna Surah Al-Bayyinah, ayat 7-8.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.43 | SUBUH 4.53 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.38 | ISYAK 7.52
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 86 | 20 JULAI 2026 / 1448 صفر 5 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
80 Tahun

# BERKENAN MENYERTAI RIADAH BERKUDA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai Riadah Berkuda, HM The Sultan's 80th Birthday Ride sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (*Lihat muka 3 hingga 6*)**

# Mesyuarat Kedua MMN Ke-22 bermula 3 Ogos

**Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 19 Julai. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN untuk bermula pada Isnin, 3 Ogos 2026 bersamaan 19 Safar 1448 Hijrah bertempat di Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Mesyuarat Kedua ini akan memberi tumpuan kepada urusan-urusan persidangan termasuk Pertanyaan, Kenyataan Menteri dan Usul-Usul bagi membincangkan pelbagai agenda berkepentingan negara. Mesyuarat ini dijangka meneliti pelbagai perkara berkaitan dasar, tadbir urus dan pembangunan negara selaras dengan keutamaan semasa, ke arah mendukung kemajuan serta kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 8

# JPM adakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BERAKAS**, Sabtu, 18 Julai. - Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya merafakkan doa, "*Allahumma Ya Rahmanu Ya Rahim*, bersempena dengan Hari Keputeraan raja kami, *Al-Wathiq Billah*, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun, kami selaku rakyat jelata di Negara Brunei Darussalam merafakkan rasa syukur dan gembira di atas nikmat lanjut usia, sihat tubuh badan serta kekal karar memerintah bagi raja kami, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 9

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



**MEMPERKUKUH pembangunan AI secara bertanggungjawab, selamat, inklusif, bermanfaat**
Muka 10



**PERSEMBAHAN PENTARAMA meriahkan Pentas Perayaan Temburong**
Muka 13



**PSB lancar 14 buku sejarah, umum**
Muka 13




**PERNIAGAAN puding signifikan bagi kaum wanita**
Muka 21

# Memperkasa perpaduan rakyat mengukuhkan kemajuan negara yang berterusan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**ALHAMDULILLAH,** beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat-Nya, mengizinkan kita berkumpul meraikan Hari Keputeraan beta pada tahun ini dalam suasana aman dan sejahtera.

Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak dalam dan luar negara, yang telah menghantar perutusan ucap selamat kepada beta dan keluarga bersempena dengan perayaan ini.

Sesungguhnya, usia 80 tahun adalah nikmat yang amat besar. Hanya Allah jua Yang Maha Mengetahui akan hikmahnya.

Dalam hampir enam dekad memegang amanah, beta bersama rakyat telah menempuh pelbagai liku kehidupan yang membentuk negara ini menjadi apa yang ada sekarang.

Kita juga bersama-sama menyaksikan peredaran zaman, dari pembangunan asas kepada pemodenan. Hanya satu sahaja yang tidak berubah, iaitu kepercayaan, kesetiaan dan perpaduan yang menjadi tulang belakang negara sejak dahulu lagi.

Demikian, jika kita mahu menjadi bangsa yang kuat, ia bukan diukur dari kemewahan yang dinikmati, tetapi dari keikhlasan bersatu padu menghadapi apa jua cabaran.

Kerana itu, beta tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba memecahbelahkan perpaduan rakyat. Begitu juga di Brunei, tidak ada tempat bagi gejala rasuah dan ketidakjujuran berlaku dalam masyarakat yang mengancam kesejahteraan dan kemajuan negara.

Turut jadi harapan beta ialah ingin melihat generasi muda berperanan lebih bermakna. Bukan sekadar jadi penonton kepada perubahan dan penggunaan teknologi ciptaan orang lain tetapi kita juga perlu bangkit sebagai pencipta, pemikir dan pemimpin berwawasan.

Dalam hubungan ini, kerajaan beta akan terus berperanan memberikan dukungan kepada para belia yang ingin berkecimpung dan memperluaskan bidang keusahawanan merentasi semua sektor. Antaranya, menerusi kemudahan pinjaman mikro yang disediakan oleh bank-bank tempatan khususnya Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Usahawan.

InsyaaAllah, beta akan terus memimpin negara ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035, yang menjanjikan sebuah negara yang maju, mampan dan berdaya tahan dengan dukungan padu dari semua pihak.

Menyebut mengenai pembangunan negara, beta ingin menyentuh tentang beberapa kemajuan semasa serta cabaran yang turut mendepani kita.

Mengenai bekalan tenaga, alhamdulillah, negara masih sahaja dalam kedudukan yang baik walaupun tidak terkecuali dari menerima kesan ketidaktentuan global.

Oleh itu, keutamaan kerajaan adalah untuk memastikan simpanan strategik, khususnya bahan api petroleum dan tong LPG, bagi memenuhi keperluan harian.

>> Muka 10



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun pada Rabu, 15 Julai 2026 di Istana Nurul Iman.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JULAI MASIHI | HARI | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 20 | ISNIN | 5 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 21 | SELASA | 6 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 22 | RABU | 7 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 23 | KHAMIS | 8 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 24 | JUMAAT | 9 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.37 | 7.51 |
| 25 | SABTU | 10 | 4.44 | 4.54 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37 | 7.51 |
| 26 | AHAD | 11 | 4.44 | 4.54 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37 | 7.51 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| Kuala Belait | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

20 JULAI 2026

# Syukur kunci kebahagiaan

**SYUKUR** bermaksud mengiktiraf segala nikmat yang diberikan dengan mengucapkan 'Alhamdulillah' serta menggunakan nikmat tersebut pada jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Nikmat Allah tidak terhad kepada rezeki berupa duit, bahkan merangkumi kesihatan, keluarga, keamanan, ilmu dan kesejahteraan hidup.

Namun, kebahagiaan sebenar tidak hanya bergantung pada banyaknya harta atau tingginya kedudukan. Sebaliknya, kebahagiaan bermula daripada hati yang sentiasa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan bahawa orang yang bersyukur akan ditambah nikmatnya.

Dalam Surah Ibrahim, ayat 7 yang bermaksud: "*Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya aku akan menambah nikmat kepadamu. Tetapi jika kamu mengingkari nikmat-Ku, maka sesungguhnya azab-Ku sangatlah pedih*".

Ini menunjukkan bahawa syukur bukan sahaja mendatangkan ketenangan jiwa, malah menjadi sebab bertambahnya keberkatan dalam kehidupan seharian.

Amalan bersyukur boleh dipupuk melalui beberapa cara, antaranya ialah memulakan hari dengan memuji Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat rezeki yang diberikan. Selain itu ialah memperbanyakkan sedekah sebagai tanda menghargai rezeki. Jika kita menghadapi sebarang ujian, jadikan ujian tersebut sebagai peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang juga merupakan tanda kesyukuran yang sebenar.

Oleh itu, bersyukur ialah kunci kepada kebahagiaan yang hakiki. Harta yang banyak belum tentu menjamin kebahagiaan, tetapi hati yang sentiasa bersyukur akan merasa cukup, tenang dan bahagia.

Kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam sangat bersyukur dengan keamanan serta kesejahteraan di bumi bertuah di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ambillah peluang serta nikmat keamanan ini untuk terus menaruh bakti kepada negara dengan sama-sama berganding bahu memacu pembangunan negara sekali gus menjayakan Wawasan Brunei 2035. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوليه جابتن قنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berkenan menyertai Riadah Berkuda





**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Riadah Berkuda, HM The Sultan's 80th Birthday Ride sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 yang dianjurkan buat kali ke-4 oleh Persatuan Polo Diraja Brunei. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda serta cucunda baginda (kiri dan kanan).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda semasa sesi bergambar ramai.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas, Aimi Sani**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**JERUDONG**, Ahad, 19 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai Riadah Berkuda, HM The Sultan's 80th Birthday Ride sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, pagi tadi.

>> Muka 4





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Diraja Persatuan Polo Diraja Brunei berkenan mengepalai HM The Sultan's 80th Birthday Ride dari Padang No 1, Jerudong Park Polo and Riding Club (atas dan kiri).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat melalui kawasan Pasar Pantai Jerudong dan seterusnya melalui kawasan Pantai Siandang Jerudong dan menuju The Empire Brunei (atas, kanan, bawah kanan, bawah sekali kiri dan bawah sekali kanan).**

>> Muka 3

HM The Sultan's 80th Birthday Ride dianjurkan buat kali ke-4 oleh Persatuan Polo Diraja Brunei yang bermula di Jerudong Park Polo and Riding Club dan berakhir di The Empire Brunei.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda serta cucunda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Presiden Persatuan Polo Diraja Brunei; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Daniya Rahmatul Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Diraja Persatuan Polo Diraja Brunei dijunjung oleh Pengerusi Persatuan Polo Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan disembahkenalkan kepada para pemimpin polo veteran, Persatuan Polo Diraja Brunei dan urus setia, diikuti sesi bergambar ramai.

>> Muka 5









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengepalai HM The Sultan's 80th Birthday Ride. Berangkat menyertai Riadah Berkuda ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.**

>> Muka 4

Pada acara berkenaan, baginda berkenan mengepalai HM The Sultan's 80th Birthday Ride dari Padang No. 1, Jerudong Park Polo and Riding Club menuju ke persisiran Pantai Jerudong.

Berangkat menyertai acara Riadah Berkuda ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.

Tunggangan melalui kawasan Pasar Pantai Jerudong turut disertai oleh pemain polo veteran persatuan berkenaan. Kebawah DYMM seterusnya melalui kawasan Pantai Siandang Jerudong dan menuju The Empire Brunei.

>> Muka 6



**KEBERANGKATAN Kebawah DYMM bagi menyertai acara seumpamanya jadi inspirasi dan *role model* terbaik dalam mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif (kanan dan bawah).**





**ANTARA yang turut menyertai Riadah Berkuda (bawah).**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda dan adinda serta cucunda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah, baginda dan kerabat diraja berangkat ke Majlis Santap Pagi.



>> Muka 5

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Majlis Santap Pagi dan berkenan memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 yang disembahkan oleh Persatuan Polo Diraja Brunei dan kemudiannya berkenan menerima pesambah.

Keberangkatan baginda bagi menyertai acara seumpamanya jadi inspirasi dan *role model* terbaik dalam mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif.





KEBAWAH DYMM berkenan memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 yang disembahkan oleh Persatuan Polo Diraja Brunei dan kemudiannya berkenan menerima pesambah (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra dengan cucunda-cucunda baginda.





# PERTANDINGAN MENGHIMPUNKAN KOMUNITI PENCINTA HAIWAN PELIHARAAN

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Si Manja Pet Grooming Spa**






**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Pertandingan Kucing Pedigri Antarabangsa Feline Fanciers Federation Brunei Kali Ke-3. Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (atas dan atas kanan).**

**BERAKAS**, Ahad, 19 Julai. - Pertandingan Kucing Pedigri Antarabangsa Feline Fanciers Federation (FFF) Brunei Kali Ke-3 (3rd Brunei FFF Pedigree International Cat Show) berjaya menarik penyertaan lebih 100 ekor kucing daripada pelbagai baka dengan penyertaan peserta dari seluruh daerah, di samping menghimpunkan pencinta haiwan, pemain industri serta pelbagai inovasi berkaitan penjagaan haiwan kesayangan.

Diadakan di Peak Club, Royal Brunei Recreational Club, acara anjuran Si Manja Pet Grooming Spa dan Monster Factory Miri dengan kerjasama FFF ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik termasuk pameran baka serta jualan produk berkaitan haiwan peliharaan.

Berkenan berangkat menyaksikan pertandingan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, anakanda-nakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Tarikan utama semasa pertandingan tersebut ialah pertandingan kucing yang menampilkan pelbagai kategori seperti Adult, Junior, Kitten, Alter dan Household Pet.

Pengasas Si Manja Pet Grooming Spa, Billy Lim ketika ditemui mengulas mengenai objektif penganjuran acara yang mana ia bertujuan menghimpunkan komuniti pencinta kucing di Negara Brunei Darussalam selain memupuk budaya pemilikan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab.

"Pertandingan kucing bukan hanya mengenai kucing baka tulen tetapi juga meraikan kucing peliharaan biasa (*household pets*). Industri pertandingan kucing di Brunei masih di peringkat awal jika dibandingkan dengan negara seperti Amerika Syarikat, Republik Singapura, United Kingdom, Thailand dan Australia, yang mempunyai pelbagai pertandingan kucing dianjurkan oleh persatuan berbeza sepanjang tahun.

"Kami percaya ini merupakan antara pertandingan kucing yang dianjurkan mengikut piawaian antarabangsa di NBD. Justeru, kami berharap dapat meneruskan penganjurannya sebagai acara tahunan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kebajikan haiwan serta menggalakkan pemilikan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab," katanya.

Beliau turut mengongsikan, bagi edisi tahun ini, empat juri antarabangsa dari FFF iaitu dari Thailand, Malaysia, Indonesia dan China dijemput bagi mengadili pertandingan.

Menurutnya lagi, penyertaan melibatkan pelbagai kategori, bukan sahaja kucing baka tulen (*pedigree*), malah turut merangkumi kucing campuran, kucing kampung dan kucing yang diselamatkan (*rescue cats*). Malah, sekitar 30 peratus daripada penyertaan adalah dalam Kategori Household Pet.

Bagi pertandingan tahun ini, hadiah akan diberikan kepada pemenang bagi Kategori Adult, Junior, Kitten, Alter / Neutered dan Household Pet dengan markah tertinggi. Turut dipertandingkan ialah anugerah Best Coat serta Best Colour and Pattern. Kemuncak pertandingan ialah penganugerahan gelaran King of the Show dan Queen of the Show.

Acara tersebut turut diserikan dengan penyertaan kira-kira 30 pempamer yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan merangkumi aspek pemakanan, kesihatan, penjagaan harian serta gaya hidup haiwan peliharaan termasuk pengusaha jualan makanan dan minuman.

# Kejohanan Bola Sepak His Majesty The Sultan's Cup : Memperkukuh hubungan persahabatan NBD, UK

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**SERIA**, Sabtu, 18 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat ke Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak His Majesty The Sultan's Cup yang julung kalinya diadakan dan dianjurkan oleh British Forces Brunei (BFB).

Kejohanan berkenaan berlangsung di Kompleks Sukan Garison, BFB di Pekan Seria, Daerah Belait.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty; Pemerintah BFB, Leftenan Kolonel Peter Houlton-Hart MBE RGR; dan Gurkha Major Batalion Ke-2, The Royal Gurkha Rifles, Mejar Dillikumar Rai MVO RGR.



Sebelum perlawanan akhir berlangsung, Duli Yang Teramat Mulia berkenan meluangkan masa beramah mesra dengan para pemain, pegawai perlawanan, wakil-wakil BFB, jemputan khas dan orang ramai yang turut hadir.

Berikutan perlawanan akhir yang sengit antara BFB dengan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), DYTM dijunjung bagi mengurniakan Piala His Majesty The Sultan's Cup kepada BFB yang berjaya memenangi perlawanan dengan keputusan 1 - 0 dan seterusnya berkenan mengurniakan tanda penghargaan kepada pasukan naib juara.

Sejurus selepas itu, Leftenan Kolonel Peter Houlton-Hart MBE RGR menyembahkan ucapan dan seterusnya DYTM berkenan menerima pesambah.

Sebelum keberangkatan balik, DYTM dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama pihak penganjur dan para pemain.

Kejohanan bola sepak berkenaan menampilkan 10 buah pasukan yang mewakili Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), BFB, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Pasukan Sekuriti Gurkha (PSG) serta pasukan-pasukan daerah dari seluruh NBD.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak His Majesty The Sultan's Cup (atas). Manakala gambar kiri, antara aksi yang dipaparkan semasa perlawanan tersebut berlangsung.**

Adapun tujuan kejohanan diadakan adalah untuk memupuk semangat kesukanan, mengeratkan silaturahim, membina semangat kerja berpasukan dan meningkatkan persefahaman bersama, sekali gus memperkukuh hubungan persahabatan yang telah sekian lama terjalin antara NBD dan United Kingdom (UK).

Kejohanan berkenaan menandakan satu lagi peristiwa penting dalam hubungan pertahanan dua hala antara NBD dan UK. Ia mencerminkan komitmen bersama kedua-dua buah negara untuk memperkukuh lagi kerjasama, persahabatan dan hubungan antara rakyat melalui sukan.

# Raptai penuh pastikan kelancaran majlis

**TUTONG**, Sabtu, 18 Julai. - Bagi memastikan persiapan dan kelancaran Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, raptai penuh telah diadakan pagi tadi bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong, di sini.

Berangkat bagi menyaksikan raptai penuh tersebut ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.





**YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar berangkat bagi menyaksikan raptai penuh tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta Yang Berhormat Menteri Kesihatan (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang terlibat menyertai persembahan.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

Juga hadir, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Turut hadir, Pemangku Grand Chamberlain, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026.

Raptai turut dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Pemangku-pemangku Pegawai Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 bagi Tahun 2026 akan diadakan pada Rabu, 22 Julai 2026 bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong.

## Mesyuarat Kedua MMN Ke-22 bermula 3 Ogos

**Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

>> Muka 1

Persidangan MMN akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, dan dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Ahli-ahli MMN yang terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan serta Ahli Yang Dilantik daripada kalangan Orang-orang Yang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, dan Wakil-wakil Dari Daerah-daerah akan bersidang dalam suasana muafakat bagi meneliti perkara-perkara yang dibentangkan di hadapan dewan. Melalui perbahasan yang tertib dan berhemah, Ahli-ahli MMN akan menyumbangkan pandangan serta buah fikiran yang konstruktif dalam menimbangkan isu-isu yang berkepentingan kepada rakyat dan negara.

MMN merupakan institusi perundangan tertinggi negara yang berperanan sebagai wadah perbahasan, penelitian dan pertimbangan terhadap dasar-dasar, perundangan serta perkara-perkara yang berkepentingan kepada negara. Persidangan MMN mencerminkan amalan musyawarah dalam proses pemerintahan negara, di mana pandangan daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran bersama-sama menyokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah memperkukuh tadbir urus, memajukan pembangunan negara serta mengekalkan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Dalam siaran akhbar Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat ini juga memaklumkan, Sesi Persidangan MMN ini dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk melihat dan mendengarkan perbahasan dan perbincangan. Orang awam yang berminat dialu-alukan untuk menghadiri dan menyaksikan sesi perbahasan secara langsung di Dewan Persidangan. Perkhidmatan jurubahasa dalam Bahasa Inggeris (*translation services in English*) juga tersedia dengan permohonan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kehadiran.

Institusi pendidikan dijemput untuk membawa penuntut-penuntut sebagai pendedahan mengenai MMN termasuk proses perundangan negara dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN. Permohonan lawatan boleh dibuat melalui surat rasmi kepada Urus Setia MMN sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh lawatan.

Rakaman persidangan harian boleh diikuti melalui saluran RTB Perdana dan RTB Sukmaindera pada pukul 9.00 malam bagi rakaman bahagian satu dan diikuti lagi pada pukul 11.00 malam bagi rakaman bahagian dua.

Dokumen Rasmi persidangan seperti Penyata Rasmi (Hansard), Minit Mesyuarat dan Perintah Harian bolehlah diakses melalui laman sesawang *www.majlis-mesyuarat.gov.bn* atau *www.councils.gov.bn*.

Maklumat terkini dan perkembangan persidangan, juga akan diterbitkan dalam Instagram rasmi *@legcobrunei*.

## Kod pakaian, tatacara dalam Dewan Persidangan MMN

**Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 19 Julai. - Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan bermula pada Isnin, 3 Ogos 2026 bersamaan 19 Safar 1448 Hijrah.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk hadir dan menyaksikan Persidangan MMN dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Kod Pakaian yang disediakan.

Mahasiswa-mahasiswi hendaklah berpakaian kemas dan sopan dengan baju lengan panjang, seluar panjang dan bersongkok (bagi lelaki) / baju kurung dan bertudung (bagi perempuan) dan kasut kerja dan tertutup, sementara murid-murid / penuntut-penuntut sekolah hendaklah memakai pakaian seragam sekolah masing-masing (*school uniform*) dan kasut sekolah.

Orang ramai (termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan), iaitu bagi lelaki hendaklah berpakaian kemas dan sopan dengan baju kemeja lengan panjang dan seluar panjang (*lounge suit*) serta tali leher atau pakaian Melayu Islam Beraja atau Baju Melayu lengkap dengan sinjang dan bersongkok, memakai blazer hitam atau warna gelap dan kasut kerja.

Sementara bagi perempuan pula hendaklah berpakaian kemas dan sopan dengan baju kurung atau baju kemeja lengan panjang dan seluar / skirt labuh panjang (*lounge suit*) dan bertudung (bagi yang beragama Islam), memakai blazer hitam atau warna gelap, dan kasut kerja.

Manakala, pakaian yang tidak dibenarkan ialah pakaian seperti topi atau *cap* / baju lengan pendek atau baju 'T' atau sukan / seluar jeans atau pendek atau sukan / *skirt* pendek / *leggings* / sandal / selipar.

Selain itu, orang ramai ditegah merokok sama ada di dalam dan di luar kawasan Bangunan Dewan Majlis, dilarang mengambil gambar atau video di dalam dewan semasa persidangan sedang dijalankan (peraturan ini dikecualikan bagi pihak-pihak yang telah diberikan kebenaran), orang ramai atau pelawat yang hadir untuk mendengar perbahasan adalah ditegaskan untuk mengaktifkan telefon bimbit masing-masing kepada mod senyap (*silent mode*) semasa berada di dalam Dewan Persidangan, ditegah membawa benda-benda yang berbahaya yang boleh mengancam keselamatan dan tapisan keselamatan akan dibuat sebelum memasuki Bangunan Dewan Majlis.

Sementara itu, dilarang membuat bising atau bercakap-cakap semasa persidangan dijalankan, dilarang membuang sampah di dalam Dewan Persidangan dan gunakan tempat pembuangan sampah yang disediakan di dalam Bangunan Dewan Majlis, tidak dibenarkan makan atau minum di dalam Dewan Persidangan dan patuhi tatacara untuk masuk dan keluar dewan semasa persidangan sedang dijalankan.

Sebarang pertanyaan, bolehlah ditujukan kepada pihak Urus Setia MMN, iaitu Urus Setia MMN, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam atau melalui talian +673 2380501 atau faks +673 2385500 atau e-mel *majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn*.

Dokumen persidangan seperti Penyata Rasmi, Minit Mesyuarat dan Perintah Harian bolehlah diakses melalui laman sesawang Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat di *www.majlis-mesyuarat.gov.bn* atau *www.councils.gov.bn*.

Bagi perkhidmatan jurubahasa (*translation services*) bolehlah menghadapkan permohonan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum menghadiri persidangan melalui talian +673 2380501 sambungan 221 atau e-mel *majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn*.



# JPM ADAKAN MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam); Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran) hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).**



>> Muka 1

"*Allahumma* Ya Allah Ya Tuhan kami, mohon perkenankan doa kami, supaya kami terus konsisten mengasihi raja kami, terus menyokong dan mendukung kepimpinan baginda, sehingga dengan itu dapatlah baginda merealisasikan harapan baginda sendiri dan harapan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk melihat negara ini menjadi sebuah negara yang maju, yang mantap lagi aman di bawah naungan dan pemeliharaan Allah. *Fallahu khairun hafiza, wa huwa arhamur rahimin*," bacaan doa yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, sambil menadah tangan seraya berdoa, "*Allahumma*, lanjutkan usia raja kami, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, ahli kerabat baginda, para hadirin dan rakyat sekalian, di dalam iman dan takwa, sihat afiat, aman makmur lagi sejahtera".

"*Allahumma* Ya Allah kami bermohon, supaya dikekalkan segala nikmat, yang kami dan negara sedang nikmati : nikmat iman, nikmat Islam, nikmat perpaduan, nikmat keamanan, nikmat hidup harmoni, nikmat kemakmuran dan keadilan di bawah payung Allah di bumi, raja yang soleh lagi beriman. *Ya ni'mal mawla wa ya ni'man naseer*," bacaan doa rakyat jelata.

Hadir pada majlis berlangsung di Masjid As-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM, di sini ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Juga hadir, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin dan juga berangkat, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Majlis juga dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin, diikuti bacaan Surah Yaa Siin yang dikepalai oleh Pembantu Masjid berkenaan, Pengiran Haji Mohammad Khairul Anuar bin Pengiran Haji Othman.

Sejurus selesai Doa Khas dibacakan dan kemudiannya diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awangku Muhammad Rafiuddin bin Pengiran Ramle.

Majlis sedemikian menzahirkan rasa kesyukuran dan tanda kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM yang memimpin Negara Brunei Darussalam mengecapi begitu banyak kemajuan dan perkembangan yang begitu pesat membangun seperti yang kita nikmati sekarang, bukan itu sahaja, baginda seorang raja yang berpemedulian dan prihatin terhadap kebajikan dan kepentingan semua menjadikan ikon pemimpin yang disegani dan disayangi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini malah dari pandangan kaca mata negara dunia yang lain. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik dan semoga baginda kekal karar memerintah negara dengan aman dan maju jaya hendaknya.

# 11 graduan terima pengiktirafan, penghargaan atas pencapaian cemerlang

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa hari ini mengadakan Majlis Anugerah Graduan Cemerlang Tahun 2026 bertempat di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Pada tahun ini, seramai 11 graduan di bawah Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Luar Negeri dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) yang telah berjaya memperoleh keputusan kepujian Kelas Pertama (First Class Honours) bagi Ijazah Sarjana Muda setelah tamat pengajian mereka pada 2025.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kebajikan dari Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumainah binti Haji Matassim.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian plak dan sijil penghargaan kepada para graduan oleh tetamu kehormat majlis, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan atas usaha para graduan dalam mencapai kelulusan yang cemerlang.

Di samping itu, ia juga diharap dapat menjadi sumber inspirasi dan galakan kepada para pelajar lain agar lebih bersemangat untuk meraih kejayaan dalam pengajian mereka.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Pemangku Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.




**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Anugerah Graduan Cemerlang Tahun 2026 bertempat di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kiri).**

# MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN AI SECARA BERTANGGUNGJAWAB, SELAMAT, INKLUSIF, BERMANFAAT




**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Persidangan 2026 World AI Conference (WAIC) dan High-Level Meeting on Global AI Governance di Shanghai, Republik Rakyat China (atas). Sementara gambar bawah kiri, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berjabat tangan dengan Menteri Sains dan Teknologi, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Yin Hejun.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**SHANGHAI, REPUBLIK RAKYAT CHINA,** Sabtu, 18 Julai. - Persidangan 2026 World AI Conference (WAIC) dan High-Level Meeting on Global AI Governance telah berlangsung hari ini di Shanghai, Republik Rakyat China.

Persidangan berkenaan dengan tema 'AI Partnership for a Brighter Future', memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh pembangunan Kecerdasan Buatan (AI) secara bertanggungjawab, selamat, inklusif dan bermanfaat. Persidangan tersebut juga mengiktiraf teknologi AI berupaya mentransformasikan landskap ekonomi, sosial dan penyelidikan saintifik serta dijangka membawa perubahan dan membuka peluang baharu dalam mempercepatkan transformasi ekonomi, meningkatkan produktiviti serta memacu inovasi teknologi.

Persidangan dipengerusikan oleh Menteri Sains dan Teknologi, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Yin Hejun, yang turut menekankan kepentingan mengimbangi aspek pembangunan dan keselamatan, inovasi dan tadbir urus serta kepentingan negara dan kesejahteraan global.

Antara prinsip utama yang diketengahkan ialah pendekatan yang berpusatkan manusia, AI untuk kebaikan sejagat (AI for Good), keterangkuman serta tadbir urus secara kolaboratif. Selain itu, persidangan menyeru agar kerjasama antarabangsa untuk terus diperkukuh dalam menangani cabaran utama berkaitan pembangunan AI, termasuk memperkasa pembangunan kapasiti AI khususnya bagi negara-negara membangun.



Dalam persidangan berkenaan, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berkongsi tiga pencapaian utama yang mencerminkan komitmen negara dalam memanfaatkan AI dalam usaha pembangunan negara.

Pertama, pelaksanaan platform kesihatan berasaskan AI, yang mampu membuat diagnosis kemungkinan awal penularan penyakit, serta pengoptimuman penyampaian perkhidmatan kesihatan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 3, iaitu kesihatan yang baik.

Manakala kedua, iaitu pelancaran Brunei Darussalam AI Governance and Ethics Guidelines, sejajar dengan usaha serantau dalam memperkukuh pembangunan AI yang dipercayai, selamat dan bertanggungjawab melalui kerjasama bersama ASEAN dan rakan-rakan antarabangsa.

Sementara ketiga pula ialah pelaksanaan Digital Brunei 2030, yang akan mengintegrasikan AI antaranya dalam sektor pendidikan, tadbir urus kerajaan dan pembangunan industri ke arah memperkukuh ekonomi digital negara serta memperkasa rakyat dan perniagaan.

Dalam persidangan berkenaan jua, NBD turut menyampaikan pandangan mengenai bidang-bidang keutamaan kerjasama antarabangsa dalam tiga bidang utama. Pertama, keselamatan AI, yang memerlukan piawaian global serta mekanisme kerjasama rentas sempadan bagi melindungi sistem AI daripada ancaman siber, penyebaran maklumat palsu dan penyalahgunaan teknologi.

Manakala kedua ialah infrastruktur AI, dengan NBD menyokong penerokaan model infrastruktur yang lebih inklusif, termasuk pembangunan AI Hubs serantau dalam membolehkan negara-negara bersaiz kecil turut mendapat manfaat daripada kemajuan AI.

Sementara ketiga pula ialah pembangunan modal insan, yang menekankan kepentingan memperkukuh kemahiran digital melalui peningkatan kemahiran (*upskilling*), latihan semula (*reskilling*), program literasi AI serta pertukaran kepakaran di peringkat serantau.

NBD turut mengongsikan bahawa visi pembangunan AI kebangsaan adalah selaras dengan empat tonggak utama dalam persidangan berkenaan, iaitu memanfaatkan AI bagi menyokong pencapaian SDG khususnya dalam bidang kesihatan, pendidikan dan tindakan terhadap perubahan iklim, memperkukuhkan keselamatan siber dan menangani ancaman penyalahgunaan AI, mempromosi AI yang inklusif bagi menyokong pembangunan ekonomi kreatif dan kesejahteraan Masyarakat, serta memperkukuh tadbir urus AI global melalui pembangunan dasar dan peraturan yang inklusif, responsif dan mengambil kira keperluan semua negara.

NBD turut menyatakan kesediaannya untuk terus bekerjasama dengan semua rakan antarabangsa dalam mempromosi pembangunan AI yang selamat, inklusif, beretika dan berpusatkan manusia demi memastikan manfaat teknologi AI dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat global.

Delegasi NBD ke WAIC 2026 telah diketuai oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut serta ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, bersama para Pegawai MTIC.

Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping juga pada 17 Julai lalu telah menghadiri Majlis Pembukaan WAIC 2026 berkenaan dan seterusnya menyampaikan ucaptama.

Majlis pembukaan berkenaan turut dihadiri oleh Presiden Republik Kazakhstan, Tuan Yang Terutama Kassym-Jomart Tokayev; Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Hun Manet; Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul; Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama António Guterres; serta wakil-wakil rasmi kerajaan, pemimpin industri, ahli akademik dan para penyelidik dari lebih 100 buah negara dan organisasi antarabangsa.

WAIC pada tahun ini menegaskan komitmen masyarakat antarabangsa terhadap prinsip 'AI for Good and for All', dengan matlamat serantau bagi merapatkan jurang pembangunan AI melalui pengukuhan kerjasama dalam bidang inovasi, pembangunan kapasiti dan tadbir urus AI.

Persidangan turut menekankan kepentingan mendukung Piagam PBB, menghormati kedaulatan negara dan kepelbagaian tamadun, mengamalkan multilateralisme, serta memperkukuh prinsip perundingan, sumbangan dan manfaat bersama dalam membentuk ekosistem AI global yang selamat, inklusif, bertanggungjawab dan mampan.

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Setentunya juga, pendekatan ini memerlukan tanggungjawab semua pihak, khasnya menerusi penggunaan sumber tenaga secara berhemah.

Seiring itu, usaha mempelbagaikan ekonomi juga turut menunjukkan keberhasilan yang memberangsangkan. Sektor bukan minyak dan gas telah menyumbang kepada lebih separuh dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dari sudut sosial, kerajaan dan BIBD menerusi Projek Teduh telah memanfaatkan dana Zakat Perniagaan BIBD untuk membina kediaman bagi golongan rentan.

Kerjasama Awam-Swasta seumpama ini adalah sangat digalakkan dalam sama-sama berusaha meningkatkan taraf hidup golongan berkenaan.

Dari aspek memelihara keselamatan masyarakat pula, beta telah memperkenankan Kerangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana atau Disaster Management Strategic Policy Framework.

Ini bertujuan untuk memantapkan lagi pengurusan bencana menerusi pengurusan risiko dan pendekatan bersepadu antara pelbagai agensi dalam menghadapi situasi kecemasan.

Sungguhpun pencapaian dapat diraih, namun cabaran fiskal negara masih sahaja memerlukan perhatian berterusan.

Kerajaan beta akan terus melaksanakan langkah fiskal yang bertanggungjawab. Antaranya memperluas sumber pendapatan bukan minyak dan gas, mengurus perbelanjaan negara dengan berhemat, serta memperkukuh pemudah cara perniagaan, di samping memastikan proses kerajaan adalah mesra pelaburan.

Dalam hubungan ini, beta juga yakin akan peranan penting setiap Menteri Penyelaras untuk memastikan segala jurang dan halangan dapat ditangani dengan berkesan.

InsyaaAllah tahun 2027 akan menyaksikan dua acara kenegaraan yang saling melengkapi iaitu Sambutan Jubli Intan Pemerintahan beta dan juga Tahun Melawat Brunei.

Marilah kita terus berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya untuk kita dan negara berkekalan dalam aman dan makmur. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Akhirnya, beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan keselamatan serta sektor swasta di dalam dan luar negara atas sumbangan mereka kepada negara.

Beta juga merakamkan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Perayaan di Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Daerah atas usaha dan khidmat menjayakan perayaan ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah*, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

## سروان سوچي

# دنيا جمباتن كأخيرة، جاڠن سمڤاي ملالايكن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسوڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠيڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كچيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة غافر أية ٣٩:

**واهاي قومكو! سسوڠݢوهڽ كهيدوڤن دنيا اين هاڽله كسنڠن (اونتوق سمنتارا سهاج)، دان سسوڠݢوهڽ (كهيدوڤن) أخيرة إيتوله سهاج نݢري يڠ ككل.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كتاهويله بهاوا هيدوڤ كيت ددنيا اين تيدق لبيه درڤد سقدر ڤرسيڠݢهن سمنتارا، دان سسوڠݢوهڽ دنيا اين اداله تمڤت أوجين يڠ ڤنوه دڠن حيله دان تيڤو داي. كإيندهنڽ سريڠ كالي ممڤرداياكن جيوا، مڠابوركن مات دان ملالايكن هاتي مأنسي درڤد مڠيڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. مك أية ٣٩ دري سورة غافر يڠ دباچكن تادي منكسكن بهاوا سموا نعمت دنيا مڤوڽاءي تيمڤوه، هرتا بوليه هيلڠ، كصيحتن بوليه لمه دان عمور ڤستي اكن سمڤاي كڤڠهوجوڠڽ، يڠ ككل اياله عمل صالح، إيمان، تقوى دان كريضأن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

دالم ڤد ايت، إسلام جوك تيدق مڠاجر أومتڽ ممبنچي دنيا سچارا مطلق. إسلام منونتوت كيت بكرجا، برنياݢ، منونتوت علمو، ممبينا كلوارݢ، مميليكي هرتا دان منعمتي رزقي يڠ حلال. بهكن سموا ايت منجادي عبادة اڤابيل دسرتاءي دڠن نية يڠ بتول، دلقسناكن منوروت شرع دان دݢوناكن ڤد جالن يڠ دريضاءي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

نامون يڠ بربهاي اياله اڤابيل دنيا مڠواساءي هاتي. دنيا منجادي فتنة اڤابيل مأنسي سڠݢوڤ منيڠݢلكن سمبهيڠ كران ڤكرجأن، مڠابايكن كلوارݢ كران مڠجر كأونتوڠن، منيڤو دالم أوروسن جوال بلي، مڠمبيل حق اورڠ لاين، ترليبت دالم رسواه دان سباݢايڽ. **درڤد أبو سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ، وَإِنَّ اللهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا، فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ. مقصودڽ: سسوڠݢوهڽ دنيا اين مانيس لاݢي مڠهيجاو (إينده دان ممڤسونا). سسوڠݢوهڽ الله منجاديكن كامو سباݢاي خليفه ددالمڽ، لالو دي مليهت باݢايمان كامو برعمل. {حديث روايت إمام مسلم}**

حديث اين ساڠت ڤنتيڠ اونتوق دفهمي، دنيا ميمڠ مڤوڽاءي تاريكن. اي ميڠݢكن هاتي، مڠهيبوركن ڤندڠن دان ممبري رواڠ كڤد مأنسي اونتوق برأوسها. اكن تتاڤي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ممرهاتي باݢايمان كيت مڠوروس دنيا. ادكه كيت مڠݢوناكنڽ اونتوق طاعة؟ اتاو كيت ترڤرداي سهيڠݢ لالاي درڤد أخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

انتارا أوجين دنيا يڠ ڤاليڠ بسر اياله هرتا. هرتا ميمڠ دڤرلوكن اونتوق كهيدوڤن. نامون هرتا جوك بوليه منجروموسكن مأنسي جك دڤرأوليه سچارا حرام، دبلنجاكن كڤد معصية اتاو ميڽببكن هاتي منجادي كرس دان بخيل. **درڤد كَعْبِ بْنِ عِيَاض رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، دي بركات: اكو مندڠر رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: إِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ فِتْنَةً، وَفِتْنَةُ أُمَّتِي الْمَالُ. مقصودڽ: سسوڠݢوهڽ باݢي ستياڤ أومت اد فتنة (أوجين)، دان فتنة أومتكو اياله هرتا. {حديث روايت إمام ترمذي}**

اوليه ايت، هرتا هندقله دليهت سباݢاي أمانه، بوكن سمات-مات ميليك مطلق. اڤ يڠ اد ڤد كيت سبنرڽ كورنيأن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. كيت اكن دتاڽ دري مان هرتا ايت دڤرأوليه دان كمان اي دبلنجاكن. جك حلال سومبرڽ دان باءيق ڤڠݢوناأنڽ، اي منجادي بكلن ڤهلا. جك حرام سومبرڽ دان بوروق ڤڠݢوناأنڽ، اي منجادي سبب ڤبسلن.

مك براونتوڠله اورڠ يڠ مڠݢوناكن هرتاڽ اونتوق نفقه يڠ حلال. ممبنتو إيبو باڤ، منديديق أنق-أنق، منونايكن زكاة، برصدقه، ممبنتو اورڠ سوسه دان ميوكوڠ ڤركارا يڠ ممبري منفعت كڤد أومة، مشاركت دان نݢارا. هرتا سڤرتي اينله يڠ اكن منجادي سقسي كباءيكن دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

إيڠتله بهاوا اڤابيل سسأورڠ منجاديكن دنيا سباݢاي توجوان أوتام هيدوڤڽ دان ملتقكنڽ لبيه تيڠݢي درڤد كهيدوڤن أخيرة، مك الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ اكن مناريق كبركتن هيدوڤ لالو اكن ميمڤيتكن أوروسن دنياڽ. هيدوڤڽ اكن منجادي سوكر دان هاتيڽ دڤنوهي ككليسهن، سرتا كتاكوتن ترهادڤ كميسكينن اكن سنتياس مڠهنتوين. والاو سبايق مان ڤون نعمت يڠ دكورنياكن اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، جيواڽ تتڤ براس تيدق چوكوڤ كران هاتي يڠ تله ترڤاوت كڤد دنيا تيدق اكن ڤرنه مراس ڤواس اتاو چوكوڤ.

رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا تله ممبري ڤريڠتن تنتڠ بهاي منچينتاءي دنيا سچارا برلبيهن. **درڤد زَيد بن ثَابِت رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، بهاوا إي مندڠر رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: بارڠ سياڤا توجوان هيدوڤڽ اداله دنيا، مك الله اكن منچراي-برايكن أوروسنڽ، منجاديكن كفقيرن دكدوا ڤلوڤوق ماتڽ، دان إي تيدق منداڤتكن دنيا كچوالي منوروت كتنتوان يڠ تله دتتڤكن باݢين. بارڠ سياڤا يڠ نية (توجوان) هيدوڤڽ اداله نݢري أخيرة، الله اكن مڠومڤولكن أوروسنڽ، منجاديكن ككاياأن دهاتيڽ، دان دنيا اكن منداتڠين دالم كأدأن هينا. {حديث رواية إبن ماجه}**

ملالوءي حديث اين داڤت دفهمي بهاوا دنيا منجادي موليا اڤابيل اي منجادي جالن منوجو كريضأن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. ڤكرجأن دان أوسها منجادي عبادة اڤابيل دلقسانكن دڠن جوجور. هرتا منجادي ڤهلا اڤابيل دبلنجاكن سباݢايمان دكهندقي شرع. كدودوقن منجادي أمانه اڤابيل دݢوناكن اونتوق منݢقكن كباءيكن، ممبنتو مشاركت دان مڠهيلڠكن كظالمن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مڠاجر كيت سوڤاي ممندڠ دنيا سڤرتي ڤرجالنن سأورڠ مسافر. سأورڠ مسافر تيدق ممباوا سݢالا-ݢالاڽ. دي ممباوا بكلن يڠ ڤرلو اونتوق سمڤاي كدستيناسي، دي تاهو بهاوا تمڤت يڠ دلالوءي بوكن تمڤت منتڤ سلاما-لاماڽ. بݢيتوله كهيدوڤن مؤمن ددنيا. درفد عبدالله بن عمر رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، **دي بركات: رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ممݢڠ كدوا-دوا باهوكو لالو برسبدا: كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ. مقصودڽ: جاديله أڠكاو ددنيا سأوله-اوله سأورڠ أسيڠ اتاو سأورڠ مسافر يڠ سدڠ ملالوءي سواتو ڤرجالنن. {حديث روايت إمام بخاري}**

حديث اين بوكن برمقصود كيت منيڠݢلكن تڠݢوڠجواب دنيا. بهكن سأورڠ مسلم ڤرلو بكرجا، مڠوروس كلوارݢ، منونتوت علمو، مممعوركن مشاركت دان ملقسناكن أمانه. نامون هاتيڽ تيدق برݢنتوڠ كڤد دنيا، دي مڠمبيل دنيا سباݢاي بكل منوجو أخيرة.

انتارا چارا اونتوق ميلامتكن هاتي درڤد ترتيڤو دڠن دنيا اياله ممڤربايق مڠيڠتكن ماتي، مڠيڠتي ماتي بوكن اونتوق منجاديكن كيت لمه، تاكوت بكرجا اتاو منيڠݢلكن أوسها. سباليقڽ، مڠيڠتي ماتي منجاديكن كيت لبيه برتڠݢوڠجواب، لبيه تليتي مميليه يڠ حلال، لبيه چڤت برتوبة دان لبيه برسوڠݢوه سوڠݢوه ممڤربايكي ديري. **درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَادِمِ اللَّذَّاتِ. مقصودڽ: ڤربايقكن له مڠيڠتي ڤموتوس سݢل كلاذتن (يائيت ماتي). {حديث رواية إمام ترمذي}**

مك جاڠنله كيت منڠݢوهكن كباءيكن. جاڠن توڠݢو توا اونتوق برتوبة. جاڠن توڠݢو لاڤڠ اونتوق ممباچ القرآن. جاڠن توڠݢو كاي اونتوق برصدقه. جاڠن توڠݢو ساكيت اونتوق كمبالي كڤد الله. ستياڤ هاري يڠ كيت لالوي سبنرڽ سماكين مندكتكن كيت كڤد هاري ڤرتموان دڠن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ممڤريڠتكن مأنسي سوڤاي تيدق ترتيڤو دڠن دنيا دان تيدق دڤرداي اوليه شيطان. شيطان اكن سنتياس ممبيسيقكن بهاوا ماس ماسيه ڤنجڠ، توبة بوليه دتڠݢوهكن دان كلالاين تيدق مڠاڤ. سدڠكن جنجي الله ايت بنر. حساب ايت بنر، شرݢ ايت بنر دان نراك ايت بنر. مك جاڠنله كيت ترتيڤو دڠن كسنڠن يڠ سمنتارا سهيڠݢ ملوڤاكن كهيدوڤن يڠ ككل.

دنيا تيدق ساله جك براد دتاڠن اورڠ يڠ برإيمان، يڠ ساله اياله اڤابيل دنيا ماسوق دان مڠواساءي هاتي. مك كيت جاديكنله دنيا سباݢاي لادڠ ڤهلا: بكرجا دڠن جوجور، منچاري رزقي يڠ حلال، منونايكن أمانه، منديديق كلوارݢ، ممبنتو يڠ ممرلوكن، منجاݢ مرواه ديري، مميليهارا ماس دان ممڤربايق عمل صالح.

درڤد خطبه اين، ماريله كيت مڠمبيل بيراڤ ڤڠاجرن:

**ڤرتام:** دنيا اداله سمنتارا، سدڠكن أخيرة اداله نݢري يڠ ككل.

**كدوا:** نعمت دنيا سڤرتي هرتا، ڤڠكت، كصيحتن دان ماس اداله أمانه يڠ اكن دڤرسؤالكن.

**كتيݢ:** إسلام تيدق ملارڠ كيت منچاري دنيا، تتاڤي ملارڠ كيت دڤرهمباكن اوليه دنيا.

**كأمڤت:** اورڠ برإيمان منجاديكن دنيا سباݢاي جمباتن منوجو أخيرة.

**كليما:** مڠيڠتي ماتي اكن ملمبوتكن هاتي دان مڠهيدوڤكن كسدرن اونتوق كمبالي كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

أخيرڽ، ماريله كيت برمحاسبه، ادكه دنيا يڠ كيت چاري سماكين مندكتكن كيت كڤد الله، اتاو سماكين منجاوهكن كيت درڤدڽ؟ اڤكه هرتا يڠ كيت كومڤولكن ممباوا كبركتن، اتاو منجادي سبب كلالاين؟ ادكه ماس يڠ الله بريكن تله كيت إيسي دڠن عمل، اتاو كيت بياركن برلالو دڠن سيا-سيا. موده مودهن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ منجاديكن كيت همبا-همباڽ يڠ برشكور، أمانه، تيدق ترتيڤو دڠن دنيا، إستقامة دالم عبادة سرتا كمبالي كڤد الله دالم كأدأن حُسْنُ الْخَاتِمَة، آمين يا رَبَّ العالمين.

**واهاي مأنسي! سسوڠݢوهڽ جنجي الله ايت اداله بنر مك جاڠنله سكالي-كالي كهيدوڤن دنيا ايت ممڤرداياكن كامو دان جاڠنله ڤولا سكالي-كالي شيطان ممڤرداياكن كامو درڤد (برإيمان كڤد) الله. {سورة فاطر أية: ٥}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# MENEROKA PELUANG KERJASAMA STRATEGIK DALAM SEKTOR PENTERNAKAN, PERTANIAN MODEN

Siaran Akhbar dan Foto : Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam






YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan, juga Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam dan Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam mengetuai rombongan lawatan ke Hua Ho Agricultural Farm. Kehadiran rombongan dialu-alukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, selaku Pengarah Urusan Hua Ho Agricultural Farm (atas dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Julai. - Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Hua Ho Agricultural Farm bagi meninjau teknologi, inovasi dan amalan terbaik dalam sektor penternakan dan pertanian moden sebagai usaha memperkukuh pengetahuan serta meneroka peluang kerjasama strategik ke arah menyokong agenda sekuriti makanan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Rombongan lawatan telah diketuai oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, juga Pengerusi Lembaga Pengarah BTHMUI dan Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam (MUI).

Kehadiran rombongan dialu-alukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, selaku Pengarah Urusan Hua Ho Agricultural Farm.

Lawatan dimulakan di kompleks penternakan ayam penelur, dan rombongan diberikan taklimat mengenai penggunaan sistem *close house* yang mengaplikasikan teknologi automasi dalam pengurusan makanan dan minuman, kawalan suhu, pengudaraan serta sistem kutipan telur secara berterusan.

Rombongan turut berpeluang menyaksikan proses pengeluaran telur, penggredan, pemeriksaan kualiti dan pembungkusan sebelum dipasarkan kepada pengguna.

Seterusnya, rombongan dibawa melawat ke kawasan penanaman sayur-sayuran menggunakan sistem *greenhouse*, yang mengamalkan persekitaran tanaman terkawal bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan risiko serangan penyakit serta memastikan pengeluaran hasil yang berkualiti dan konsisten.

Lawatan turut merangkumi kemudahan penyimpanan hasil pertanian di bilik sejuk (*cold room*) sebagai sebahagian daripada rantaian pengurusan pascatuai sebelum hasil dihantar ke pasaran.

Hua Ho Agricultural Farm merupakan antara syarikat yang menerima pengiktirafan Brunei Darussalam Good Agricultural Practice (GAP) dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, sekali gus mencerminkan komitmennya terhadap amalan pertanian dan penternakan yang berkualiti, selamat dan mampan.

Lawatan Kerja berkenaan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada BTHMUI mengenai penggunaan teknologi moden, inovasi serta pengurusan operasi dalam industri agromakanan, di samping bertukar pandangan mengenai potensi kerjasama strategik yang boleh diterokai dalam pembangunan sektor pertanian dan penternakan, selaras dengan usaha memperkukuh sekuriti makanan negara.

Lawatan diakhiri dengan sesi perbincangan dan pertukaran pandangan antara kedua-dua belah pihak mengenai amalan terbaik serta peluang kerjasama yang berpotensi diterokai pada masa hadapan bagi menyokong pembangunan sektor agromakanan yang mampan di NBD.

# Perkukuh kefahaman agama, bentuk jati diri lebih mantap



**FORUM menampilkan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Muhd. Yussof bin Haji Abdul Majid, dan Acting Associate Specialist, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan, Dr. Diana Tahir (kanan). Manakala gambar kiri, ahli panel semasa menerima cenderamata. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir mengikuti program interaktif tersebut.**





Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

**BERAKAS**, Ahad, 19 Julai. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Program 'Ilm Series Ke-25 yang diadakan di Dewan Persidangan, PDI, Pulaie.

Program dibahagikan kepada dua sesi utama, iaitu Forum Panel dan Bengkel Interaktif, yang dibukakan kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie serta orang awam.

Forum Panel menampilkan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Muhd. Yussof bin Haji Abdul Majid bersama Acting Associate Specialist, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan, Dr. Diana Tahir.

Antara inti pati utama forum ialah penjelasan bahawa setiap manusia diuji dengan cabaran yang berbeza mengikut kemampuan masing-masing.

Justeru, ukuran sebenar bukanlah pada bentuk ujian yang dihadapi, tetapi pada cara seseorang menghadapinya dengan penuh keimanan, kesabaran dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Para peserta turut disarankan agar tidak berputus asa daripada rahmat Allah, sebaliknya sentiasa berusaha memperbaiki diri melalui taubat yang berterusan, memperbanyakkan doa, ber*mujahadah* melawan hawa nafsu, mengenal pasti faktor yang mendorong kepada kemaksiatan, membina sistem sokongan yang positif serta mendapatkan bimbingan daripada individu dan saluran yang bersesuaian.

Program kemudiannya diteruskan dengan Bengkel Interaktif yang dikendalikan oleh AJK bersama fasilitator Belia Da'ie melalui empat *booth* bertemakan Refleksi Diri, Tadabbur Al-Quran, Pembinaan Pelan Perubahan dan Pengukuhan Istiqamah.

Bengkel tersebut memberi ruang kepada para peserta untuk bermuhasabah, menghayati pengajaran yang diperoleh sepanjang forum serta merangka komitmen peribadi ke arah perubahan diri yang lebih positif dan berterusan.

Program berkenaan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada para asatizah, pegawai-pegawai kerajaan, golongan pesara, para belia, wakil-wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, alumni Akademi Da'wah serta orang awam.

Penganjuran Program 'Ilm Series Ke-25 dihasratkan dapat memperkukuhkan kefahaman agama dalam kalangan peserta, membentuk jati diri yang lebih mantap serta mendorong mereka untuk terus istiqamah dalam menghayati dan mengamalkan ajaran Islam.

Program juga diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang berilmu, berakhlak mulia dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran semasa.

Bagi memperluaskan penyampaian ilmu kepada masyarakat, sesi forum turut disiarkan secara langsung menerusi Instagram Live di akaun rasmi Belia Da'ie. Rakaman penuh Forum Panel juga boleh ditonton semula melalui akaun Instagram rasmi Belia Da'ie (*@beliadaie*).

# PERSEMBAHAN PENTARAMA MERIAHKAN PENTAS PERAYAAN TEMBURONG

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman**



**SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pertahanan hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Persembahan PENTARAMA. Turut hadir Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau (atas). Manakala gambar bawah kanan, persembahan lawak jenaka oleh Najib dan Loh (BruHaha).**

**TEMBURONG**, Sabtu, 18 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Komunikasi Strategik, mengadakan Persembahan PENTARAMA sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 di Pentas Perayaan, Kawasan Dermaga, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Haji Emzah selaku Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Timbalan Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong; ketua-ketua kampung serta Pengerusi-pengerusi Bersama Acara-acara Malam Keraian Daerah Temburong.

PENTARAMA, singkatan kepada pentas, tari dan drama, merupakan antara kaedah penyampaian maklumat rasmi yang digunakan oleh Jabatan Penerangan sejak 1988 bagi mendekati masyarakat secara bersemuka menerusi persembahan pentas.

Melalui program berbentuk *infotainmen* berkenaan, Jabatan Penerangan terus berperanan menyampaikan pendidikan serta perkongsian maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat mengenai nilai-nilai positif, kesedaran sivik, semangat patriotisme, keagamaan, pendidikan serta isu-isu semasa negara, termasuk permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat.

Persembahan dimulakan dengan lagu tema 'PENTARAMA' yang disusuli tarian oleh De Mahkota Dance Group, sebelum diteruskan dengan persembahan nyanyian solo dan berkumpulan oleh artis-artis tempatan, iaitu Marsya Dania, Mimi Wahab, Andie Othman, Awangku Shawn dan Awangku Fiqi.

Turut dipersembahkan ialah drama bertajuk 'Bukan Sekadar Gurauan' oleh Kumpulan Pento 'XYZ' di bawah naungan PGS RMF Production.

Drama berkenaan mengisahkan tentang penyalahgunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) yang pada awalnya dianggap sebagai gurauan, namun akhirnya membawa kepada perlakuan jenayah yang lebih serius, iaitu rasuah. Melalui penceritaan berkenaan, para penonton turut didedahkan mengenai kepentingan menggunakan teknologi secara beretika serta kesan buruk akibat penyalahgunaannya.

Suasana turut dimeriahkan dengan persembahan lawak jenaka oleh Najib dan Loh (BruHaha) yang menyampaikan mesej kesedaran mengenai jenayah penipuan (*scam*) serta kepentingan mendapatkan dan berkongsi maklumat yang sahih dan tepat. Persembahan yang diselitkan dengan unsur komedi berkenaan turut memberi pendedahan mengenai pelbagai taktik penipuan yang semakin berleluasa di samping menggalakkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya.

Selain itu, Kuiz PENTARAMA turut diadakan bagi para penonton. Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diakhiri dengan persembahan nyanyian beramai-ramai oleh barisan artis tempatan yang membawakan lagu 'Dirgahayu'.

Persembahan PENTARAMA akan diteruskan di daerah-daerah lain, iaitu di Daerah Brunei dan Muara pada Rabu, 22 Julai 2026 di Pentas Perayaan, Kawasan Lapang berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja; di Daerah Tutong pada Jumaat, 24 Julai 2026 di Pentas Perayaan, Kawasan Lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong; dan di Daerah Belait pada Sabtu, 25 Julai 2026 di Pentas Perayaan, Kawasan Gerai Tudung Saji.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi menyaksikan Persembahan PENTARAMA sekali gus memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.



# PSB lancar 14 buku sejarah, umum



**MAJLIS pelancaran tersebut disempurnakan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong (kiri), manakala gambar bawah, antara buku yang dilancarkan.**

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Julai. - Sebanyak 14 buah buku meliputi buku-buku sejarah dan umum telah dilancarkan dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei (PSB), pagi tadi.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Pengetua PSB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Antara karya utama yang dilancarkan ialah buku dwibahasa 'Pemashhoran Kemerdekaan 1984 - Proclamation of Independence 1984' hasil tulisan mantan Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Abbas.

Buku tersebut menghimpunkan pengalaman beliau dalam penyediaan Titah Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984.

Turut dilancarkan ialah 'Scripting the Archipelago' karya Yang Dipertua Persatuan Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Md. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Buku tersebut merupakan satu kajian sejarah yang melihat perkembangan Bahasa Melayu dari sudut perubahan sistem tulisan, bermula daripada tulisan Pallava, Kawi, Jawi hingga kepada penggunaan tulisan Rumi pada masa kini.

Sebuah lagi karya penting yang diperkenalkan ialah 'Rancangan Kemajuan Negara 1967-2017 : Sejarah Pendidikan, Kesihatan dan Perumahan', hasil penulisan bersama Dayangku Norafidah binti Pengiran Mohd. Shamri, Profesor Dr. Haji Asbol bin Haji Mail, Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah dan Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar.

Buku tersebut mendokumentasikan perkembangan Rancangan Kemajuan Negara dari tahun 1967 hingga tahun 2017 dengan memberi tumpuan kepada sektor pendidikan, kesihatan dan perumahan. Selain tiga karya utama berkenaan, sebanyak 11 buah lagi buku yang merangkumi bidang sejarah dan umum turut dilancarkan.

Sejurus selesai majlis pelancaran, Persatuan Sejarah Brunei mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). Antara agenda utama mesyuarat ialah pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif (Exco) Persatuan Sejarah Brunei bagi Sesi 2026-2028.





**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / H01 / 2026-2027
Pembekalan Dan Penghantaran Komputer Riba Bagi Pelajar-Pelajar Di Bawah Biasiswa Skim Khas A-Level 2026 / 2027, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1447H-1448H / 2026M-2027M

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
14 Safar 1448H / 29 Julai 2026M, tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
**KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 2 September 2026.**

**JPt / TAW / 07 / 2026-2027:**
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission Three (3) Complete Set Of Laboratory Fume Hood With Its Accessories In Soil Science And Plant Nutrient Unit.
**(Yuran Tawaran BND10.00 | Borang Tawaran BND15.00)**

**Website:**
***http//www.agriculture.gov.bn***

**Pemberitahuan Sebut Harga**

**JPt / SH / 48 / 2026-2027**
Supply And Delivery Of Scoville Meter Starter Kit

**JPt / SH / 49 / 2026-2027**
Supply And Delivery Of Laboratory Freezer With Refrigerator For Mycotoxin Standards Storage In Nutrition & Toxicology Laboratory

**JPt / SH / 50 / 2026-2027**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Uninterruptible Power Supply (UPS) Supporting The Server System At Veterinary Laboratory Services

**JPt / SH / 51 / 2026-2027**
To Perform Preventive Maintenance For PCR And Egg Quality Testing Equipments

**JPt / SH / 52 / 2026-2027**
Membekal Dan Menghantar Consumables Dan Disposables Bagi Pengesanan Penyakit Ternakan Berkaitan Dengan Escherichia Coli Dan Salmonella

**JPt / SH / 53 / 2026-2027**
Pembekalan Rack / Almari Untuk Kegunaan Tempat Penyimpanan Barang-Barang IT Di Stor Mulaut

**JPt / SH / 54 / 2026-2027**
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For A Period Of Two (2) Years

**JPt / SH / 55 / 2026-2027**
Membekal Dan Menghantar Barang-Barang Alat Tulis Bagi Keperluan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan

Tidak lewat dari **jam 2.00 Petang pada Khamis, 20 Ogos 2026.**

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:**
39 / BBS / LK / 152 / QABPLK
Membekal Dan Menghantar Uniform Polo Dan T-Shirt Untuk Bahagian Pengurusan Letak Kereta Kuala Belait Dan Seria

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:**
40 / BBS / LK / 152 / QABPLK
Membekal Dan Mencetak 3,000 Buah Buku Notis Kesalahan

**Yuran Tawaran:**
BND6.00
(Non-Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
4 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
10 / 2026 / 2027
Pembekalan Dan Penghantaran Bagi A3 Colour Laserjet Printer Bagi Jabatan Perancang Bandar Dan Desa,
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam

Permohonan dokumen sebut harga adalah dengan melayari laman sesawang ***www.jpbd.gov.bn*** melalui link Perkhidmatan Dalam Talian iaitu Sistem **Tcpestorebn** atau melalui Berita Terkini

**Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:**
Khamis,
30 Julai 2026
Sebelum jam
2.00 Petang

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
Flight Calibration for Air Navigation Facilities
ATELS / 2026 / LTK-01 (R)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran :**
Isnin 13 Julai 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Isnin 27 Julai 2026

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa
28 Julai 2026

**Kepada:**
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
BB3910
Negara Brunei Darussalam

**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
PPB / QTN / AAU / 2026 / 04
Tawaran Perkhidmatan Pembekalan Jamuan Di Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) Bagi Tempoh 1 Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Buka Tawaran**
Isnin,
13 Julai 2026

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
29 Julai 2026,
Jam 9.00 Pagi

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / BKS / 002
(JPPK / LTN / 23 / 2025)
Upgrading Of Fire Alarm Protection System For Ammo Depot At Berakas Garrison

**Kelas:**
III Ke Atas

**Kategori:**
E01, E02 dan KPME05

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Lima (05) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 25 Ogos 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
1 September 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Tajuk Iklan:**
JAPEM / UPE-KRKTERMCUT / RB26
24 Months Contract For Grass Cutting At Kompleks Rumah Kebajikan Kg. Belimbing Subok, Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Bilangan dan Tajuk Iklan:**
JAPEM / UPE-PBPULTERMCUT / RB26
24 Months Contract For Grass Cutting At Pusat Bahagia Pulaie & Pusat Kegiatan Warga Emas Lambak Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Bilangan dan Tajuk Iklan:**
JAPEM / UPE-JAPEMPULAIECUT / RB26
6 Months Contract For Grass Cutting At Jabatan Pembangunan Masyarakat Buildings Area, Kampong Pulaie

**Tarikh Tutup Iklan:**
Khamis 6 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
## JABATAN PERDANA MENTERI

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 64 / 26 - 27
Supply and Delivery of Lips Microphone, Wireless Microphone and its Accessories for Outside Broadcast

**Bayaran Yuran (termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
22 Julai 2026,
jam 2.00 Petang

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
RTB / K / 65 / 26-27
Contract For Grass Cutting Services At RTB Transposer Sites For A Period Of Twenty-Four (24) Months

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
RTB / K / 66 / 26-27
Contract For Cleaning And Grass Cutting Services At RTB Berakas And Grass Cutting Services At RTB Berakas Barracks For A Period Of Twenty-Four (24) Months

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
RTB / K / 67 / 26-27
Contract For Cleaning And Grass Cutting Services At RTB Centre For Broadcasting Development, Madang And Grass Cutting Services At RTB Madang Barracks For A Period Of Twenty-Four (24) Months

**Bayaran Tawaran (termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
22 Julai 2026,
jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(18) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / GASTRO
Supply And Delivery Of APC Probe For Gastroenterology And Hepatology Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Clustering)

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(13) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CSR
Supply And Delivery Videography Equipments (Lens) For Customer Service Relation Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(10) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / ORL
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Otorhinolaryngology Department At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Non-Clustering)

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(76) PSD / QTN / 2026 – (PEROLEHAN)
The Provision To Operate And Maintain Automated Retail Vending Machines With Healthier Food And Drink Choices At Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
333 / CPC / 2026 / IKLAN / MOH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Eye Chart Projector For Optometry And Orthoptic, Ophthalmology Department, Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1705) / 2026 / HTD (B8)
One Off Preventive Maintenance Services For Three (3) Units Of LED Surgical Light (Operating Light), Brand : Mindray At Operating Theatre RIPAS Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(13) JPR / QTN / 2026
New Fencing Works And Fabrication Of New Cover, At Rimba And Kiarong Dialysis Centre

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1704) / 2026 / HTD (B8)
To Repair Four (4) Units Of Blanket Warmer, Brand: CSZ, Model: 135-Warmair At Various Location RIPAS Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1700) / 2026 / HTD (B8)
One-Off Preventive Maintenance Service For Five (5) Unit Resuscitation System (Automated CPR), Brand: Zoll, Model: Autopulse, At Emergency Department And Emas Jetty RIPAS Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1692) / 2026 / HTD (B4)
To Perform Planned Preventive Maintenance Servicing For Mindray N15 Patient Monitor, N12 Patient Monitor, N1 Patient Monitor, TM80 Telemetry Monitor And Benevision Central Monitor Station And Workstation At CCU, RIPASH

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1701) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Two (2) Units Of Belmont Dental Chair, Model: CLESTA II, BME1922 (S/N: FB14L0134) At Room 12 Berakas Health Clinic And BME1904 (S/N: FBI0022) At Room 5 Berakas Health Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1699) / 2026 / HTD (B8)
To Repair Two (2) Units Of ICU Bed, Brand: Hillrom, Model: TC155 At ICU 3 RIPAS Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(77) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Kerja-Kerja Pembaikan Bagi Keretakan Yang Terdapat Di Bangunan Sektor Vektor Kg Madaras, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
14 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Thirty-Six (36) Lab Coat For Phlebotomy Services Under Department Of Health Services

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(78) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Renovation Work At Department Of Scientific, Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
PPM / PROC / 2026 / <50K / 003 (RPHL) - IKN
Invitation To The Provision Of Venue And Meeting Packages (Inclusives Of Refreshments) For RPHL Network Annual Partnership Forum 2026 For The Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Sabtu
1 Ogos 2026,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ09
Quotation For The Supply & Delivery Of Laptop

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ10
Quotation For The Supply & Delivery Of Desktop PC

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu
22 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
33 / JS / A / 6 / 2004 PT.7
Tawaran Sebut Harga Pembelian Bilik Sejuk Beku (Walk-In Freezer) Bagi Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

**Yuran Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
14 Safar 1447H /
29 Julai 2025M,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

## JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2026-2027 / 11 / ADMIN / 01

**Tajuk Sebut Harga :**
Quotation To Supply And Delivery For Two (2) Years Contract Of Paper A4 80 GSM, Letterhead 100GSM, Envelope, Laminating Pouch A4, Sticker Label A4 And Fancy Card For Bandar Seri Begawan, Municipal Department, Ministry Of Home Affair.

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**
Khamis, 29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
## KEMENTERIAN KEWANGAN

**Rujukan Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2026 - 10
Perkhidmatan Pengangkutan Dan Tenaga Kerja Bagi Kerja-Kerja Penghapusan Secara Berkontrak Selama 24 Bulan (Menyapul) Untuk Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
28 Julai 2026

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
15 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Barang Kamera Dan Peralatan Video Bagi Kegunaan Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Muzium-Muzium

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
14 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Installation Of New Carpet At Zone C On Usungan Jubli Perak Area, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis
30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
13 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) – R
Sebut Harga Bagi Pembekalan Tudung Secara Kontrak Penggal Selama 3 Tahun Bagi Atendan Dewan Perempuan, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
12 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) - R
Sebut Harga Bagi Pembekalan Pakaian Seragam Secara Kontrak Penggal Selama 3 Tahun Bagi Atendan Dewan, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**Jawatan-Jawatan Kosong Di Islamic University Of Technology (IUT) Dhaka, Republik Rakyat Bangladesh**

**Jawatan**

**1. Assistant Professor, Department of Technical and Vocational Education (TVE)**
**2. Assistant Professor, Department of Mechanical and Production Engineering (MPE)**
**3. Assistant Professor, Department of Computer Science and Engineering (CSE)**

**Tarikh Tutup:**
Jumaat
31 Julai 2026

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan terus permohonan, curriculum vitae serta maklumat berkaitan melalui pautan:
***https://www.iutoic-dhaka.edu/circular***

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
DSS / FOR / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 016 (FOR)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Strmix™ Annual Upgrade And Maintenance (Standalone License) For Three Consecutive Years (2027-2029) For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Sebut Harga:**
DSS / FOR / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 011 (FOR)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Single Channel Pipettes With Variable Volumes For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health (Clustering)

**Bilangan Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 26 - 27 (03)

**Keterangan:**
Provision Of Food And Drink Vending Machines Services At Health Promotion Centre For A Period Of Three (3) Years

**Bilangan Sebut Harga:**
(71) PSD / QTN / 2026 - (IT)

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Termination And Commissioning Of Network Points And Wireless Infrastructure For Berakas Health Screening Centre, Kementerian Kesihatan (MOH)

**Bilangan Sebut Harga:**
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 03

**Keterangan:**
Perbekalan Dan Penghantaran Dua Puluh Empat (24) Dram Racun Jentik-Jentik Bagi Kegunaan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1697) / 2026 / HTD (A12)

**Keterangan:**
The Provision Of Maintenance Services For Alcon Equipment For Three (3) Years

**Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1688) / 2026 / HTD (A20)

**Keterangan:**
One-Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of Automated Microbial Identification System Brand: Biomerieux, Model: Vitek 2 Compact 30, S/N: VK2C3946, BME6658 At Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1689) / 2026 / HTD (A20)

**Keterangan:**
Repair Service For One (1) Unit Of Handheld Raman Spectrometer, Brand: Thermo Scientific, Model: First Defender RMX, S/N: RM7470, BME20777, At Illicit Drugs Laboratory, Department Of Scientific Services

**Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1690) / 2026 / HTD (A20)

**Keterangan:**
One Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of Ion Chromatography System (IC-ICP-MS), Brand: Thermo Scientific, Model: ICAP QC, S/N: 03482R, BME19918 At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services

**Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1695) / 2026 / HTD (B9)

**Keterangan:**
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Two (2) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME20183 (S/N:FB06A0002) At Room 1 PIHM Temburong Hospital And BME1675 (S/N:FB14F0170) At Cubicle 5A National Dental Centre, For Department Of Dental Services. Ministry Of Health

**Bilangan Sebut Harga:**
(72) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Office Supplies, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Ministry Of Health (Clustering)

**Bilangan Sebut Harga:**
(73) PSD / QTN / 2026 - (JKPPP)

**Keterangan:**
Pembekalan Jamuan Dan Packed Food Bagi Kursus-Kursus Pembangunan Kapasiti Dan Peningkatan Kemahiran Yang Dikendalikan Oleh Unit Pemantauan & Perkembangan Resusitasi (RDMU), Kementerian Kesihatan

**Bilangan Sebut Harga:**
(74) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Of Instruments For Obstetric And Gynaecology Department, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

**Bilangan Sebut Harga:**
(75) PSD / QTN / 2026 - (PHARM)

**Keterangan:**
Thermal Transfer Labels With Print [Rectangle Size 90MM (Width) X 60 MM (Height)] - For BRU-HIMS 2.0

**Bilangan Sebut Harga:**
(07) PPN / QTN / 2026 (DPH)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Printing Materials And Merchandise For Dental Public Health, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
25 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II & III

**Kategori:**
KA01 Kod Baharu

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 11 / BKTKS / 2026-T / II

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaikpulih J-Drain Dan Cerun (Slope) Di Kawasan Luar Pagar, Jabatan Penyelidikan Brunei

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
21 Julai 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
4 Ogos 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / SB0025 / 2026 / 2027**
**Supply, Delivery And Installation Of Furniture For Residential College, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Kelas:**
III & IV Sahaja

**Kategori:**
KA01 & S02 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 006 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Operasi Dan Pembersihan Di Tutong Barrage Dan Gauging Station, Tutong

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**
V Sahaja

**Kategori:**
KA01 & M03 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 007 / 2026

**Nama Projek:**
Menaiktaraf Sistem Pengepam Air Dan Paip Air Di Jalan Permaisuara Dan Projek Jalan Telanai

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
KA01 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 008 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Operasi Dan Penyelenggaraan LMMU Untuk Zon-Zon Kebocoran Daerah Brunei-Muara, Tutong Dan Temburong 2026-2028

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**
IV & V Sahaja

**Kategori:**
KA01 & S02 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 009 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal 60 Bulan Bagi Kerja-Kerja Pembersihan, Landskap, Pemeliharaan Tanah Dan Pembuangan Sampah Bagi Loji Rawatan Air Bukit Barun, Tutong (2027-2032)

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:** -

**Kategori:**
[Registered and licensed with the security Agency of the Royal Brunei Police Force Sahaja]

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 010 / 2026

Nama Projek:
Pemberian Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Empangan Kargu, Kuala Belait (2027-2030)

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Kelas:**
IV & V Sahaja

**Kategori:**
KA01 & KPB04 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 011 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Untuk Perkhidmatan Pembacaan Meter Dan Penghantaran Bil Air Bagi Zon Meter Air Di Seluruh Daerah Brunei Muara

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**
IV & V Sahaja

**Kategori:**
KA01 & KPB04 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 012 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Membaik Pulih Ke Atas Kerosakan Meter Air Dan Penyambungan Paip Berukuran 100MM, 500MM Ke Bawah Lengkap Dengan Peralatan Berkaitan Untuk Zon-Zon Meter Air Di Daerah Brunei Muara

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
21 Julai 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa
28 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Iklan**
**Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Tawaran / Tender Ref :**
JPE / LTK / MMD / 018 / 2026

**Tajuk Tawaran / Tender Title:**
Integrated Maintenance Services Contract:
Main Power Train Equipment Maintenance

**Tarikh Tutup / Closing Date:**
Selasa,
21 Julai 2026

**Yuran Tawaran / Tender Fee:**
BND5,000.00
(Tidak Dikembalikan / *Non-Refundable*)

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Jabatan Kerjasama Berbagai Hala**
**Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**Jawatan Kosong**
Asia-Europe Foundation (ASEF),
Singapura

**Jawatan:**
Senior Executive,
Executive Office
(kontrak selama setahun - renewable)

**Tarikh Tutup:**
Selasa
21 Julai 2026

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, termasuk permohonan bolehlah didapati di laman sesawang berikut :
***https://asef.org/wp-content/uploads/2026/06/0pen-Call-ASEF-Senior-Exec-EO-Closing-Date-21-July-26-1.pdf***

**Jabatan Pertubuhan – Pertubuhan Antarabangsa**
**Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**Jawatan-Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom**

**Jawatan Kosong**
Software Architect
- Developer (2 posts)
Economic, Trade and Investment Directorate

**Kekosongan: 1**

**Jawatan Kosong**
Software Architect - QA Analyst
Economic, Trade and Investment Directorate

**Kekosongan:1**

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 21 Julai 2026

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui pautan berikut:
***http://thecommonwealth.org/jobs***

**Makluman Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KHELN / KEW / 2025 / 0107
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Yangon, Myanmar

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KHELN / KEW / 2025 / 0207
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Ottawa, Canada

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KHELN / KEW / 2025 / 0810
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Ankara, Republik Turkiye

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
22 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Iklan Tawaran**
**Rancangan Pemakanan Sekolah Arab Dan Asrama (Bahagian Penyajian Makanan Dan Minuman Secara Berhidang Dan Bertapau)**
**Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun**
**Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Keterangan Tawaran:**
KHEU / JPI / PMM / SA TEMB / 07
Sekolah Arab Temburong, Daerah Temburong

**Bayaran Dokumen:**
BND 30.00
(Bayaran Dokumen tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
27 Safar 1448H /
11 Ogos 2026M
Sebelum jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KEPI / BIOS / JKSH / 04 / 2026-2027
Membukakan Satu (1) Sebut Harga Untuk Perkhidmatan Jurubahasa (Interpreter) Dari Bahasa Mandarin-Inggeris-Mandarin

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis
30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
10 / MAY / 2026 / KKBS / PJK / 16.91 ( R )
Anti Termite Control And Treatment At Ministry Of Culture, Youth And Sports Main Building At Jalan Kebangsaan And Sinarubai Storage At Jalan Bengkurong, Brunei Darussalam (Requotation)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
6 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

# IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN mereka yang mengikuti Program Ikon Muallaf 2.0 : Jalan Lima Sesi Ke-5 'All Aboard The Haji Express'. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.






ANTARA jemaah yang hadir di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait sempena Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

BEBERAPA pengunjung sedang fokus mendengar penerangan dari seorang kakitangan Jabatan Muzium-Muzium semasa Bengkel Permainan Tradisi sempena Pesta Buku Brunei 2026 di Sudut Bacaan, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.





PASANGAN ibu bapa bersama anak damit mereka di Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2026 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 di Hospital Suri Seri Begawan, Daerah Belait. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

ANTARA acara yang memeriahkan suasana Kejohanan Polo Amal 2026. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.





SEORANG pengunjung muda melakar sesuatu pada lukisan yang dipamerkan pada Pesta Buku Brunei 2026. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

# KUMPULAN KUPU SB JUARA PERTANDINGAN MENYOROTI MANUSKRIP MELAYU LAMA



PEMANGKU Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni binti Awang Haji Damit hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian hadiah, cenderamata dan sijil kepada para pemenang (atas). Sementara gambar kanan, Kumpulan KUPU SB dan Kumpulan Aksara dari UBD semasa pertandingan tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad




**BERAKAS,** Sabtu, 18 Julai. - Kumpulan KUPU SB dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berjaya menjuarai Pertandingan Menyoroti Manuskrip Melayu Lama yang diadakan pagi tadi, bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini sempena Pesta Buku Brunei (PBB) 2026.

Sementara tempat kedua disandang oleh Kumpulan Nadi Manuskrip dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing menempatkan peserta dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), iaitu Kumpulan Aksara dan Kumpulan Dafodil.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah, cenderamata dan sijil kepada para pemenang, Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Awang Haji Damit.

Pertandingan berkenaan merupakan kali kedua ia diadakan dalam rangka mengenalkan manuskrip sebagai khazanah bangsa kepada masyarakat dan diselenggarakan oleh DBP melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan.

Manuskrip Melayu lama ditakrifkan sebagai karya dalam tulisan Jawi yang bertulis tangan di atas bahan seperti kertas, kulit dan sebagainya yang sekurang-kurangnya berusia 100 tahun dan menjadi warisan Melayu dan pusaka sejarah orang Melayu.

Nukilan ilmu dan pelbagai pemikiran yang dicantumkan dengan penggunaan tulisan Jawi menjadikan manuskrip Melayu lama berupaya menjadi penanda aras dalam melihat perkembangan peradaban bangsa Melayu.

Antara objektif pertandingan adalah bagi mendukung misi dan visi jabatan dalam memartabatkan kebudayaan Melayu, membarigakan dan mengenalkan manuskrip Melayu lama sebagai khazanah budaya bangsa, serta melestarikan dan memelihara tulisan Jawi sebagai usaha penting dalam menjaga warisan budaya dan identiti masyarakat Melayu.

Selain itu, ia juga bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran dalam memahami tulisan Jawi klasik dalam kalangan peserta khususnya yang terdiri daripada penyelidik dan mereka yang menangani manuskrip Jawi.

Antara manuskrip Melayu lama yang disoroti semasa pertandingan ialah Hikayat Dang Amas 1, Hikayat Dang Amas 2, Hikayat Maharaja Rawana (B), Hikayat Dang Suasa (Bilangan 1), dan Hikayat Dang Suasa (Bilangan 9).

## Persembahan 'Satu Pentas, Seribu Kenangan' meriahkan Pentas Perayaan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Julai. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, Kencana Laila Entertainment menganjurkan sebuah persembahan yang bertemakan 'Satu Pentas, Seribu Kenangan' diadakan di Kawasan Letak
Kereta berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, malam tadi.

Penganjuran persembahan ini bertujuan menyemarakkan lagi kemeriahan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pengisian seni dan budaya yang berkualiti.

Di samping itu, memberi ruang kepada penggiat seni tempatan untuk terus berkarya, memupuk semangat perpaduan serta menghargai jasa dan kepimpinan baginda dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Selaras dengan tema 'Satu Pentas, Seribu Kenangan' persembahan tersebut telah menghimpunkan artis-artis tempatan yang terkenal dengan bakat dan pengalaman masing-masing iaitu Pengiran Shamsul Bahri bin Pengiran Haji Shamsu, Pengiran Md. Izzul Amin bin Pengiran Haji brahim, Rafi Aziz, Nazmi, Masita Tamil dan Hazimah Hamdan.

Barisan artis tempatan ini mempersembahkan pelbagai lagu yang mencerminkan semangat patriotisme, perpaduan dan hiburan untuk semua lapisan masyarakat.

Turut dipentaskan ialah sebuah persembahan teater bertajuk 'Nyampuk' yang dipersembahkan oleh Step 1 Theater di bawah arahan Insan Mardini.

Tarikan utama persembahan teater ini adalah melalui corak jalan ceritanya yang kreatif, menghiburkan serta menyampaikan mesej yang dekat dengan kehidupan masyarakat tempatan.

Pengurus Urusan Kencana Laila Entertainment, Dayang Siti Maimun binti Haji Saman menyatakan bahawa penganjuran ini merupakan satu penghormatan besar buat syarikat dalam sama-sama menyumbang kepada Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui platform seni persembahan yang berkualiti serta mengangkat keupayaan bakat-bakat tempatan.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda atas kepercayaan dan peluang yang diberikan kepada Kencana Laila Entertainment untuk menjayakan persembahan pentas sempena sambutan bersejarah ini.

Kencana Laila Entertainment berharap persembahan ini bukan sahaja menjadi hiburan kepada orang ramai malah mampu menyampaikan mesej yang berharga serta menyatukan masyarakat melalui seni, budaya dan warisan negara, selaras dengan tema persembahan.

**ANTARA persembahan yang bertemakan 'Satu Pentas, Seribu Kenangan' (kanan), manakala gambar bawah kiri, orang ramai tidak melepaskan peluang menyaksikan persembahan berkenaan.**






MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. 'Pencemaran di Lautan: Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2026
2. 'Transformasi Digital dalam Kehidupan Harian'. Tarikh Tutup : 29 Julai 2026
3. 'Bersatu Memelihara Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2026

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI




Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

# Muzium Alat Kebesaran Diraja dedahkan pelancong sejarah sistem negara

**NEGARA** Brunei Darussalam (NBD) merupakan salah sebuah negara kesultanan Melayu Islam yang tertua di rantau ini yang juga sememangnya kaya dengan adat istiadat serta kebudayaannya tersendiri yang masih diwarisi dan dipelihara dengan baik.

Walaupun negara kita sebuah negara yang kecil namun ia berpotensi untuk berada dalam kedudukan yang baik dalam menarik lebih ramai pelancong, sekali gus merancakkan lagi aktiviti ekonomi negara ini. Jika dilihat pada perangkaan yang ada, NBD dilihat mencatatkan pemulihan dalam sektor pelancongan yang memberangsangkan, terutama membabitkan jumlah pelancong dari Republik Rakyat China. Menurut statistik sehingga Ogos 2025 pula, negara telah menerima seramai 28,714 pelancong dari Republik Rakyat China, menjadikannya pasaran sumber kedua terbesar yang menyumbang 15.5 peratus daripada jumlah keseluruhan ketibaan melalui udara.

Sehubungan dengan itu, NBD juga perlu melakukan lebih banyak lagi usaha untuk menarik pelancong asing melawat negara ini lebih-lebih lagi di mana pada ketika ini negara juga sedang dalam kempen Pra-Pelancaran Tahun Melawat Brunei 2027 (Pre-Launch Ceremony Visit Brunei Year 2027) yang telah dirasmikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam di Jerudong Park Garden sebagai langkah awal dalam memperkenalkan dan mempromosi kempen pelancongan negara menjelang Tahun Melawat Brunei 2027.

Tahun Melawat Brunei 2027 sebagai satu inisiatif seluruh negara yang bertujuan untuk memperkukuh sektor pelancongan, menyokong kepelbagaian ekonomi serta mengetengahkan identiti unik NBD kepada dunia yang memerlukan kerjasama erat antara agensi kerajaan, pemain industri, komuniti tempatan dan rakan strategik dalam memastikan kejayaan kempen berkenaan.

NBD berbanding negara lain, ia mempunyai banyak tempat khusus yang menarik. Cuma tidak ramai yang mengetahuinya. Justeru, kuatkan suara awda. Lakukan lebih banyak pemasaran. Justeru dalam memainkan peranan bersama mempromosikan NBD ke mata dunia luar, Pelita Brunei melalui Seksyen Kandungan Khas juga pada kali ini turut memperkenalkan beberapa tempat-tempat menarik di negara ini dan salah satunya ialah Muzium Alat Kebesaran Diraja terletak di tengah-tengah ibu kota, Bandar Seri Begawan yang merupakan lambang keagungan, kedaulatan dan warisan Kesultanan Brunei Darussalam.

Setiap alat kebesaran yang terdapat di Muzium Alat Kebesaran Diraja ini mempunyai makna tersendiri yang menggambarkan kedudukan serta martabat Institusi Kesultanan. Antara alat kebesaran yang utama termasuklah Mahkota, Pedang, Kain Siar, Payung Ubor-Ubor dan Sinipit, yang kesemuanya digunakan dalam upacara istiadat rasmi seperti Istiadat Perpuspaan, Istiadat Bersiram, dan Istiadat Berbedak Diraja yang merupakan warisan turun-temurun sebagai satu warisan generasi baharu yang mesti dilestarikan zaman-berzaman.

### Pengenalan Muzium Alat Kebesaran Diraja

Pada 30 September 1992, Bangunan Alat Kebesaran Diraja dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan d an Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Jubli Perak Pemerintahan 25 Tahun baginda Menaiki Takhta.

Apa yang istimewanya, bangunan ini turut mempamerkan Alat-alat Kebesaran Diraja dan Perhiasan Diraja khasnya yang digunakan semasa Istiadat Perpuspaan 1968 dan Sambutan Jubli Perak 1992 di samping riwayat sejarah kehidupan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Juga menarik perhatian para pengunjung termasuklah Mahkota (Crown of the Sultan), iaitu sejenis perhiasan kepada yang dipakai oleh Kebawah DYMM semasa Istiadat Berpuspa. Mahkota ini antara lain mengandungi Alap, Tajuk Mahkota, Melur Turun dan Tara Mahkota, yang dipakaikan kepada baginda semasa Istiadat Perpuspaan berlangsung pada 1 Ogos 1968.

Selain itu, terdapat juga Usongan Diraja yang digunakan semasa keberangkatan Kebawah DYMM dalam Istiadat Berpuspa, Istiadat Perkahwinan Diraja dan sebagainya. Turut dipamerkan ialah Kucing Emas dan Tongkat Ajai serta gambar-gambar semasa perpuspaan Kebawah DYMM, Istiadat Pertabalan baginda menjadi Putera Mahkota pada 14 Julai 1961 dan salasilah Sultan Brunei.

### Pertukaran nama

Pada 30 September 2017, genaplah 25 tahun usia Bangunan Alat Kebesaran Diraja sejak ia dirasmikan pada 30 September 1992. Atas titah Kebawah DYMM nama Bangunan Alat Kebesaran Diraja telah ditukar nama kepada Muzium Alat Kebesaran Diraja sempena sukut Kebawah DYMM Menaiki Takhta.

Dengan penukaran nama ini, Muzium Alat Kebesaran Diraja melalui satu perubahan yang signifikan, antaranya ialah penaiktarafan dan penambahan nilai pameran dengan menggunakan kaedah yang lebih menarik dan terkini serta berkonsepkan interaktif selaras dengan kualiti muzium-muzium di luar negara.

Di samping itu, satu galeri khas juga terdapat di Muzium Alat Kebesaran Diraja ini iaitu, Galeri Pameran Jubli Emas : Lima Dekad Di Atas Takhta Kerajaan. Pameran ini bertujuan untuk memaparkan pembangunan dan pencapaian NBD selama lima dekad di bawah pemerintahan baginda yang bermula pada 5 Oktober 1967 sehingga sekarang.

### Pencapaian

Bangunan Alat Kebesaran Diraja juga telah diberi dua penghormatan, iaitu 'Best Attraction' anjuran Asia Travel and Tourism Creative Awards 2006 dan Certificate of Excellence for the Year 2012 anjuran Trip Advisor for Business.

Dikenali sebagai tempat yang perlu dikunjungi, iaitu *must visit* di NBD oleh para pelawat dalam dan luar negara, jumlah pelawat yang berkunjung ke bangunan ini merupakan jumlah tertinggi berbanding dari jumlah pelawat yang berkunjung ke muzium-muzium lain yang mana majoritinya terdiri daripada pelancong-pelancong dari luar negara.

Dengan adanya Muzium Alat Kebesaran Diraja ini ia akan terus menjadi mercu tanda kegemilangan beraja yang dapat disaksikan bukan saja kepada rakyat dan penduduk di negara ini malah kepada pelancong luar untuk berpeluang mengetahui lebih mendalam mengenai sistem dan sejarah yang ada di negara ini.




# Perniagaan puding signifikan bagi kaum wanita

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Ihsan Dayang Siti Nurul Najibah Rani**

PERNIAGAAN makanan merupakan salah satu sektor yang paling dinamik dalam ekonomi tempatan. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), permintaan terhadap produk makanan sentiasa ada memandangkan masyarakat seringkali mengadakan majlis-majlis kekeluargaan yang tidak putus-putus. Ahli keluarga lain lazimnya membawa *potluck* sebagai tambahan kepada juadah yang disediakan oleh tuan rumah. Tidak kurang juga jamuan ringkas yang sering diadakan di sekolah-sekolah membuatkan permintaan pencuci mulut sering menjadi pilihan. Antara juadah yang sering diberikan ialah pencuci mulut seperti puding.

Sehubungan itu mengusahakan perniagaan puding masih signifikan dan menjadi satu peluang keusahawanan terutamanya bagi kaum wanita.

Perniagaan puding memerlukan seseorang itu berkreativiti serta kemahiran kulinari. Perniagaan membuat puding boleh dimulakan dari dapur rumah dengan modal permulaan yang minimum. Faktor ini menjadikannya amat sesuai untuk wanita yang ingin menjana pendapatan sendiri sambil menguruskan tanggungjawab keluarga. Pembuatannya juga agak ringkas dan tidak rumit membuatkan ramai yang berjaya menghasilkan puding yang sedap.

Inilah yang dilaksanakan oleh Dayang Siti Nurul Najibah binti Rani, 26, yang gigih berniaga dari rumah. Bermula dengan modal sebanyak BND30, kini sudah setahun beliau mengusahakan perniagaan puding secara sepenuh masa. Sebelum itu, beliau bekerja separuh masa di Atrium Cafe, The Empire Brunei sebagai Waitress.

Beliau mula minat dalam berniaga kerana sering melihat kedua ibu bapanya berniaga pelbagai kuih muih tradisional. Dari situlah beliau mendapat ilham untuk berniaga pencuci mulut yang moden.

Antara produk yang dijualnya ialah Pudding Custard dan Jelly Character. Selain itu beliau juga menjual Cheesemarie dan Tiramisu. Harga produk beliau serendah 60 sen sehingga BND30 mengikut jenis dan saiz produk.

Setakat ini pendapatan melalui perniagaan puding telah dapat menjadi sumber kewangan yang stabil dalam menyara hidup keluarganya. Dalam perniagaan ini beliau hanya melaksanakannya seorang diri tanpa bantuan pekerja.

Beliau juga selesa melaksanakan pembuatan produknya di rumah memandangkan beliau mempunyai anak yang masih kecil, senang bagi beliau menjaga sendiri dan tidak perlu menghantar ke pusat penjagaan kanak-kanak.

Berniaga puding sememangnya agak mencabar terutama dalam mendapat tempahan yang konsisten. Cabaran yang dihadapi juga ialah memastikan jumlah jualan dan pendapatan kekal stabil atau terus meningkat dari semasa ke semasa. Perlu diketahui juga saingan juga agak banyak kerana ramai yang berniaga puding di negara ini.

Setakat ini beliau belum pernah lagi mengikuti sebarang ekspo akan tetapi pernah menghantar makanan kepada vendor yang menyertai ekspo yang diadakan yang kemudiannya dikenakan potongan sebulan atau 20 peratus dari hasil jualan. Menerima tempahan sendiri dari rumah lebih berhasil jika dibandingkan menghantar ke ekspo kerana semasa ekspo ada risiko kerosakan makanan dalam *coolbox*.

Segala resipi beliau belajar sendiri dengan melihat resipi dari TikTok. Bahan-bahan untuk membuat puding juga mudah dicari di kedai-kedai runcit, kecuali acuan-acuan jeli ditempah secara *online*. Bagi mereka yang ingin melihat hasil jualan Dayang Siti Nurul Najibah, bolehlah melayari TikTok *@najj* dan Thread *@pudding_bynajj*. Selain itu beliau juga boleh dihubungi melalui WhatsApp +673 8897330.

Segala acuan yang comel inilah menghasilkan pelbagai bentuk puding yang beraneka bentuk yang setentunya dapat memikat selera. Di sinilah ia menuntut kreativiti yang tinggi kepada pembuatnya agar puding mereka sentiasa mendapat permintaan di pasaran.

**Kesimpulan**

Perniagaan puding telah membuktikan bahawa untuk memulakan perniagaan tidak semestinya memerlukan modal besar mahupun sebuah premis perniagaan yang gah. Dayang Siti Nurul Najibah telah memberi contoh bagaimana kemahiran di dapur boleh dijadikan sebuah perniagaan mampan dan menguntungkan.

Bagi wanita di NBD, perniagaan ini bukan setakat dapat menjana pendapatan semata-mata. Ia memberi ruang untuk kreativiti serta platform untuk membina jenama sendiri. Sudah ramai peniaga wanita yang membina jenama hanya melalui dapur mereka di rumah.

Dengan perancangan perniagaan yang bijak, perniagaan puding berupaya menjadi pemangkin pada menjana pertumbuhan ekonomi isi rumah dan komuniti.

Kejayaan dalam berniaga puding bukan diukur semata-mata melalui jumlah jualan, tetapi melalui keupayaan untuk membina perniagaan yang beretika, berkualiti dan sentiasa berdisiplin dan tidak berputus asa dalam menaikkan jualan dan memenuhi kehendak pengguna. Ingatlah dapur di rumah *biskita* juga boleh menjadi titik permulaan produk makanan yang semestinya menjana pendapatan sesebuah keluarga.

# MEMUPUK MINAT PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN INTERAKTIF

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**PEMANGKU Ketua Kampung Mata-Mata Gadong, Kawasan 1, Awang Mohd. Yassin bin Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat majlis dan melancarkan program berkenaan (atas kanan). Sementara gambar atas, antara para pelajar yang menyertai aktiviti-aktiviti dalam program tersebut.**

**GADONG**, Sabtu, 18 Julai. - Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata (SRKMM) Gadong, Kluster 3 menganjurkan Program Acara Bulan Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Pengetahuan Ugama Islam (PUI), Melayu Islam Beraja (MIB), Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Lukisan Tahun 2026 dengan matlamat memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran menerusi pendekatan yang lebih interaktif dan menyeronokkan.

Majlis pembukaan program berkenaan diadakan di Dewan Al-Baraqah, SRKMM, di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan program berkenaan, Pemangku Ketua Kampung Mata-Mata Gadong, Kawasan 1, Awang Mohd. Yassin bin Haji Omar.

Program yang bertemakan 'Fun Learning Merangkai Bahasa, Ilmu Agama, Nilai MIB dan Kreativiti' berkenaan diadakan bagi memberi peluang kepada para pelajar memperkukuh penguasaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, PUI dan nilai-nilai MIB, di samping meningkatkan kemahiran dalam bidang ICT serta mencungkil bakat kreativiti melalui aktiviti seni dan lukisan.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Guru besar / Pegawai Pendidikan, SRKMM, Awang Haji Mohammad Suazmie bin Awang Haji Zulkifli berkata, pendidikan masa kini bukan sahaja memberi tumpuan kepada pencapaian akademik, malah turut menekankan pembentukan sahsiah, pemikiran kreatif, kemahiran abad ke-21 serta semangat kerjasama dalam kalangan pelajar.

Oleh itu, jelasnya lagi, program berkenaan diharap dapat menjadi platform yang berkesan dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran serta memupuk keyakinan diri pelajar melalui penyertaan aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

"Penghargaan turut dirakamkan kepada pihak sekolah, para guru, jawatankuasa pelaksana serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program tersebut.

"Saya berharap agar para pelajar dapat memanfaatkan peluang yang disediakan untuk belajar, meneroka dan menimba pengalaman baharu dengan penuh semangat dan kesungguhan," ujarnya lagi.

Sebagai salah satu pengisian program, para pelajar dan ibu bapa menyertai aktiviti sukan ria bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk menggalakkan semangat kerjasama, keyakinan diri serta kesihatan fizikal menerusi penyertaan secara aktif.








# Memperkasa kreativiti, kemahiran pelajar dalam bidang seni lukis





**AWANG Muhammad Syafiq Aiman bin Rosmadi muncul sebagai johan menerusi karya bertajuk 'Raja Berdaulat' (atas). Manakala gambar kiri, para peserta bergambar ramai bersama tetamu undangan.**

Berita dan Foto : Ihsan Asri Hussin, PTE Sengkurong

**SENGKURONG**, Sabtu, 18 Julai. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) menganjurkan Pertandingan Lukisan Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai tanda penghargaan serta bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar baru-baru ini.

Pertandingan yang terbuka kepada pelajar Pra-U Enam Atas dan Enam Bawah itu mendapat penyertaan yang menggalakkan. Program berkenaan diungkayahkan oleh Jabatan Art & Design PTES dengan sokongan Unit Perpustakaan PTES serta Rumah Sukan Seri Mahkota.

Penganjuran pertandingan tersebut bertujuan memupuk semangat patriotisme dan penghargaan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui medium seni visual. Di samping itu, ia turut memperkasakan kreativiti, bakat dan kemahiran pelajar dalam bidang seni lukis, khususnya seni potret.

Program berkenaan juga menjadi platform kepada para pelajar untuk mengetengahkan bakat masing-masing, sekali gus menyemai budaya berkarya dalam persekitaran sekolah yang kreatif serta memperkukuhkan peranan perpustakaan sebagai pusat pembelajaran, ekspresi seni dan penghayatan budaya.

Bagi memastikan proses penghakiman dijalankan secara profesional dan telus, hasil karya para peserta dinilai oleh hakim jemputan daripada Creative Space Gallery Brunei, Awang Haji Osman bin Haji Muhammad, berdasarkan beberapa kriteria utama, antaranya persamaan rupa dan ekspresi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kemahiran teknikal serta penguasaan media, komposisi dan impak visual, selain kualiti keseluruhan karya.

Awang Muhammad Syafiq Aiman bin Rosmadi muncul sebagai johan menerusi karya bertajuk 'Raja Berdaulat' yang menampilkan kehalusan teknik penghasilan potret serta menggambarkan semangat patriotisme dan penghormatan yang tinggi terhadap raja.

Menurutnya, lebih 50 jam diperuntukkan bagi menyiapkan karya tersebut.

"Dengan menyertai pertandingan ini, saya berpeluang mengembangkan bakat dan kreativiti di samping memperoleh pengalaman yang amat berharga. Pertandingan ini juga telah meningkatkan keyakinan saya dalam menghasilkan karya seni yang lebih bermakna. Kemenangan ini tidak mungkin saya capai tanpa sokongan dan dorongan daripada ibu bapa serta bimbingan guru-guru saya," katanya.

Tempat kedua dimenangi oleh Dayang Esther Elisha binti Jechonia, manakala Dayang Siti Nurhasmah Rabiatul binti Muhammad Zulkamal menduduki tempat ketiga.

Hasil karya para pemenang kini dipamerkan di Perpustakaan PTES bersempena pameran tahunan perpustakaan yang mengetengahkan koleksi buku dan penerbitan mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia, termasuk koleksi Dirgahayu.

Majlis penyampaian hadiah dan sijil penghargaan telah disempurnakan oleh Pengetua PTES, Dayang Tutty Hyrneeita binti Haji Abd. Latip. Majlis turut diserikan dengan Bacaan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80.

Penganjuran program seumpama ini diharap akan terus dilaksanakan pada masa hadapan sebagai wadah membentuk jati diri pelajar melalui ekspresi seni, di samping menyemai rasa cinta, taat setia dan penghargaan terhadap raja, agama dan negara. Pertandingan tersebut turut membuktikan bahawa seni bukan sekadar wadah ekspresi kreatif, malah medium berkesan dalam memupuk nilai kenegaraan, identiti nasional dan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.

BERITA GLOBAL

# DR CONGO : AGENSI PBB BERI AMARAN AMALAN PENGEBUMIAN CETUS RISIKO PENULARAN EBOLA

**KIGALI (Rwanda)**, 18 Julai. - Agensi migrasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran bahawa amalan membawa pulang mayat mangsa Ebola untuk dikebumikan di kampung halaman masing-masing boleh mempercepat penularan virus itu di Republik Demokratik (DR) Congo, ketika angka kematian akibat wabak berkenaan melepasi 800, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Sejak wabak itu diisytiharkan pada 15 Mei, DR Congo merekodkan lebih 2,100 kes Ebola yang disahkan termasuk lebih 828 kematian, menurut kemas kini terkini Kementerian Kesihatan negara itu. Kadar kematian kes direkodkan pada 37.5 peratus. Virus itu telah merebak ke lima wilayah iaitu Haut-Uele, Ituri, North Kivu, South Kivu dan Tshopo.

Pengarah Serantau Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM), Frantz Celestin berkata wabak itu menular hingga 70 peratus dalam tempoh dua minggu lepas, dengan purata lebih 40 kes baharu dilaporkan setiap hari.

Menerusi taklimat video, beliau berkata tentangan daripada masyarakat setempat terus menghalang usaha melaksanakan pengebumian secara selamat, malah pasukan pengurusan pengebumian berdepan bantahan dan dalam beberapa kes turut diserang.

"Yang amat membimbangkan ialah 60 peratus daripada kematian yang dilaporkan berlaku dalam komuniti," katanya sambil menegaskan cabaran berterusan dalam pengesanan awal, pemantauan serta akses segera kepada rawatan.

IOM memaklumkan amalan membawa mayat merentasi kawasan untuk dikebumikan masih berleluasa. Menurutnya, sebanyak 105 mayat berjaya dikesan semasa operasi pemantauan Ebola di lintasan sempadan dan pintu masuk ke pelbagai zon kesihatan.

Bulan lepas, empat sukarelawan Bulan Sabit Merah yang terlibat dalam operasi menangani wabak itu cedera parah di sebuah tanah perkuburan di Bunia, ibu negeri wilayah Ituri apabila tercetus keganasan ketika upacara pengebumian mangsa Ebola. Menurut media tempatan, sekumpulan belia cuba membuka keranda mangsa.

Badan kebajikan perubatan Doctors Without Borders awal minggu ini memaklumkan wabak yang berpunca daripada virus Bundibugyo itu kini menjadi wabak Ebola ketiga terbesar dan paling pantas merebak, hanya dalam tempoh dua bulan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula memaklumkan jumlah zon kesihatan yang terjejas meningkat daripada 36 kepada 42 dalam tempoh seminggu. - ©BERNAMA

# India lancar roket orbit pertama dibangunkan syarikat swasta

**NEW DELHI**, 19 Julai. - Roket pelancar yang dibangunkan syarikat swasta India berjaya menempatkan satelit ke orbit Bumi buat kali pertama, menurut Skyroot Aerospace menerusi platform media sosial X pada Sabtu, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Kejayaan itu menjadikan India negara ketiga selepas Amerika Syarikat (AS) dan China yang melaksanakan pelancaran ke orbit menerusi syarikat swasta. Skyroot Aerospace memaklumkan penerbangan ujian pertama Vikram-1 berjaya selepas roket itu menempatkan muatannya ke orbit pada ketinggian kira-kira 450 kilometer. "Orbit berjaya dicapai," menurut syarikat itu di X.

Pelancaran berkenaan bertujuan menguji keupayaan roket untuk kegunaan komersial. Di Eropah, beberapa syarikat termasuk Isar Aerospace turut berusaha melaksanakan pelancaran seumpama itu. Perdana Menteri Narendra Modi dan Pertubuhan Penyelidikan Angkasa India (ISRO) mengucapkan tahniah kepada syarikat berkenaan.

"Misi ini menandakan pencapaian penting bagi sektor angkasa swasta India dan mencerminkan peningkatan keupayaan ekosistem angkasa negara itu," menurut ISRO di X. Roket berbilang peringkat itu berlepas sejurus selepas 12 tengah hari (0630 GMT) dari pusat pelancaran angkasa Satish Dhawan di pantai timur India, berdasarkan rakaman langsung stesen penyiaran negara itu.

Skyroot Aerospace memaklumkan syarikat itu membangunkan "kenderaan pelancar atas permintaan" yang direka untuk membawa satelit ke angkasa dalam tempoh singkat. Vikram-1 yang dibangunkan syarikat pemula itu direka untuk membawa satelit kecil dengan berat sehingga 350 kilogram.

Dalam penerbangan ujian di bawah misi "Aagman", yang bermaksud ketibaan dalam bahasa Sanskrit, roket berkenaan membawa enam muatan termasuk lengan robotik untuk mengumpulkan serpihan angkasa di orbit serta beberapa satelit kecil.

Menurut kerajaan, sektor angkasa India kini melalui fasa perubahan penting. Tiga tahun lepas, kerajaan menyemak semula dasar angkasa negara bagi membolehkan pihak bukan kerajaan mengambil bahagian dalam keseluruhan rantaian nilai sektor berkenaan. - ©BERNAMA

# Lebih 130 orang keracunan makanan dalam 2 kejadian berasingan di Jepun

**TOKYO**, 19 Julai. - Lebih 130 orang mengalami gejala keracunan makanan dalam dua kejadian berasingan di tengah dan timur Jepun, lapor Xinhua memetik laporan media tempatan.

Dalam kejadian pertama, 74 orang mengalami cirit-birit, muntah dan gejala lain selepas menikmati hidangan set tradisional Jepun di sebuah hotel di bandar Takayama, wilayah Gifu, lapor Kyodo News pada Sabtu.

Seramai sembilan daripada mereka dimasukkan ke hospital. Pihak berkuasa kesihatan tempatan mengesahkan kejadian itu sebagai kes keracunan makanan dan mengarahkan operasi dapur masakan Jepun di hotel berkenaan digantung, menurut laporan itu.

Dalam kejadian berasingan, 64 orang termasuk 59 kanak-kanak berusia antara satu hingga enam tahun serta lima kakitangan sebuah tadika di Hachioji, barat Tokyo, mengalami gejala seperti cirit-birit dan sakit perut, lapor TBS Television pada Jumaat.

Seorang kanak-kanak dimasukkan ke hospital. Pusat Kesihatan Awam Hachioji mengenal pasti kejadian sebagai keracunan makanan dan mengarahkan tadika berkenaan ditutup selama tiga hari bermula Jumaat. - ©BERNAMA

# Pengawal keselamatan cedera parah terjatuh dari tren bergerak di Republik Persekutuan Jerman

**STUTTGART (Republik Persekutuan Jerman),** 18 Julai. - Seorang pengawal keselamatan syarikat pengendali rel Republik Persekutuan Jerman, Deutsche Bahn, cedera parah selepas terjatuh dari tren yang sedang bergerak ketika berlaku pergelutan dengan seorang penumpang, lapor Agensi Akhbar Jerman (DPA) yang memetik polis dan pendakwa raya.

Kejadian berlaku pada petang Jumaat ketika pemeriksaan tiket dijalankan dalam sebuah tren yang dalam perjalanan dari Offenburg ke Karlsruhe di barat daya Republik Persekutuan Jerman.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan awal Sabtu, pertengkaran mulut dipercayai tercetus ketika pemeriksaan itu, menyebabkan dua pengawal keselamatan Deutsche Bahn dipanggil.

Seorang penumpang yang dipercayai berada dalam keadaan mabuk didakwa menghina kedua-dua pengawal berkenaan sebelum berlaku pergelutan antara lelaki berusia 36 tahun itu dengan seorang daripada pengawal terbabit yang berusia 26 tahun.

Kedua-duanya terjatuh ke lantai ketika bergelut. Sebuah pintu tren kemudian terbuka atas sebab yang masih belum diketahui, menyebabkan pengawal berusia 26 tahun itu terjatuh dari tren yang sedang bergerak berhampiran Ettlingen-Bruchhausen, menurut polis dan pendakwa raya.

Kelajuan tren ketika kejadian masih belum dapat dipastikan.

Suspek ditahan ketika masih berada di dalam tren.

Pengawal yang cedera parah itu kemudian ditemukan di tepi landasan dalam operasi mencari secara besar-besaran, kira-kira dua kilometer dari lokasi tren berkenaan berhenti.

Mangsa dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut. Tiada maklumat terkini mengenai keadaannya setakat malam itu.

Polis sedang menyiasat punca serta urutan sebenar kejadian.

Tren berkenaan dihentikan sementara daripada perkhidmatan bagi membolehkan siasatan diteruskan. - ©BERNAMA

# Wakil Warisan Dunia berhimpun di Busan untuk sesi jawatankuasa UNESCO

**BUSAN**, 19 Julai. - Ribuan perwakilan dari seluruh dunia akan berhimpun di Busan, Republik Korea Selatan pada Ahad sempena pembukaan sesi tahunan Jawatankuasa Warisan Dunia UNESCO, yang julung kali diadakan di negara itu, lapor Agensi Berita Yonhap.

Kira-kira 3,000 peserta dari 196 negara anggota, pertubuhan antarabangsa dan badan bukan kerajaan dijangka menghadiri mesyuarat selama 10 hari di Pusat Pameran dan Konvensyen Busan di bandar pelabuhan itu, kira-kira 330 kilometer di tenggara Seoul.

Antara tokoh utama yang dijadual hadir ialah Ketua Pengarah UNESCO, Khaled El-Enany, Penolong Ketua Pengarah bagi Kebudayaan Nayef Al-Fayez dan Pengarah Pusat Warisan Dunia, Lazare Eloundou Assomo.

Ini merupakan kali pertama Republik Korea Selatan menjadi tuan rumah mesyuarat berkenaan sejak menyertai Konvensyen Warisan Dunia UNESCO pada 1988.

Sebagai badan utama pembuat keputusan UNESCO bagi warisan budaya dan alam semula jadi, jawatankuasa itu bersidang setiap tahun untuk meneliti pencalonan tapak baharu, menilai status pemuliharaan tapak yang telah disenaraikan serta membincangkan isu dasar berkaitan konvensyen berkenaan.

Sesi ke-48 itu akan berlangsung dari 20 hingga 29 Julai. - ©BERNAMA

# 2 pendaki maut dalam kemalangan berasingan di Banjaran Alps Austria

**VIENNA**, 19 Julai. - Dua pendaki maut dalam kemalangan berasingan di Banjaran Alps Austria pada Sabtu, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Di negeri Vorarlberg di barat negara itu, seorang pelancong Republik Persekutuan Jerman terjatuh kira-kira 100 meter dari laluan pendakian berhampiran sempadan Republik Persekutuan Jerman selepas hilang keseimbangan ketika membuka peralatan keselamatannya, menurut polis.

Lelaki itu sebelum kejadian dilaporkan mengadu keletihan dan mengakui memandang ringan tahap kesukaran pendakian berkenaan.

Dalam kejadian kedua di Banjaran Alps Ötztal, Tyrol, seorang lelaki Republik Persekutuan Jerman berusia 63 tahun terjatuh kira-kira 200 meter ketika menuruni Gunung Wildspitze, menurut polis.

Mangsa menyertai kumpulan pendakian yang diketuai seorang pemandu dan meninggal dunia akibat kecederaan dialaminya.

Mayat kedua-dua mangsa dibawa turun menggunakan helikopter polis. - ©BERNAMA

# Gempa bumi 5.0 skala Richter gegar timur Republik Türkiye

**HAMILTON (KANADA),** 18 Julai. - Gempa bumi berukuran 5.0 pada skala Richter menggegarkan wilayah Malatya di timur Republik Türkiye awal Sabtu, lapor Anadolu Ajansi memetik Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana dan Kecemasan (AFAD).

Menurut AFAD, gempa berlaku pada 6.20 pagi waktu tempatan dengan pusat gempa dikesan di daerah Battalgazi pada kedalaman 15.59 kilometer.

Gegaran turut dirasai di wilayah berdekatan termasuk Elazig, Adiyaman, Tunceli dan Sanliurfa.

AFAD memaklumkan tiada laporan mengenai kerosakan atau kemalangan jiwa setakat ini.

Menteri Alam Sekitar, Perbandaran dan Perubahan Iklim Murat Kurum menerusi platform media sosial Republik Türkiye, NSosyal berkata: "Susulan gempa bumi di Battalgazi, setakat ini tiada sebarang perkembangan buruk dilaporkan, namun kami sedang menilai semua laporan yang diterima". - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




ePaper Pelita Brunei

# KONTINJEN NBD BERLEPAS KE GLASGOW, SCOTLAND BAGI SUKAN KOMANWEL KE-23



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang berlepas ke Glasgow, Scotland bagi menyertai Kejohanan Sukan Komanwel Ke-23 (kiri dan kanan).

**BERAKAS**, Ahad, 19 Julai. - Rombongan Pertama Kontinjen Negara Brunei Darussalam iaitu seramai enam orang ahli terdiri daripada tiga orang atlet sukan renang serta tiga orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia (Safeguarding Officer) dan Jurulatih Renang telah berlepas ke Glasgow, Scotland bagi menyertai Kejohanan Sukan Komanwel Ke-23 dijadual berlangsung secara rasminya mulai 23 Julai 2026 hingga 2 Ogos 2026 di Glasgow, Scotland.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Juga hadir sama ialah Head of Chancery daripada Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam, William Roberts; Pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, persatuan sukan kebangsaan dan keluarga atlet.

Majlis didahului dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim, diikuti dengan ucapan nasihat kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Negara Brunei Darussalam dalam temasya Sukan Komanwel Ke-23 ini akan menyertai tiga acara sukan daripada 10

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

sukan yang dipertandingkan iaitu renang, olahraga dan angkat berat.

Atlet-atlet renang negara akan mula bertanding pada Jumaat, 24 Julai 2026 bertempat di Tollcross International Swimming Centre.

Rombongan terakhir akan bertolak ke Glasgow, Scotland pada Selasa, 21 Julai 2026.

# Kontinjen pencak silat berlepas ke Thailand

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**BERAKAS**, Ahad, 19 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menyelaras penyertaan Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada empat ahli dari Sekolah Sukan dalam The 27th Thailand Sports School Games (Nakhonseekhwae Games) di Nakhon Sawan Sports School, Wilayah Nakhon Sawan Thailand yang bermula dari 15 hingga 24 Julai 2026.

Bagi kejohanan tersebut, Kontinjen NBD menyertai acara pencak silat yang diwakili oleh tiga pelajar-atlet iaitu Awang Muhd. Ra'id Naim bin Muhd. Syamsuddin, Awang Muhammad Asyraf Syafiee bin Norazrin dan Dayang Nur Hidayatul Najwa binti Asrizal, di bawah bimbingan jurulatih sekolah berkenaan, Awang Muhammad Ali Rashid bin Haji Mohd. Alipah.

Sehubungan itu, hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), petang tadi, bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Danny bin Aimi dan Pengetua Sekolah Sukan NBD, Awang Alexandar bin Bandang.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari JSS, Kementerian Pendidikan, pihak Pentadbiran Sekolah Sukan serta ibu bapa dan ahli keluarga kontinjen.

Antara tujuan penyertaan tersebut adalah sebagai satu landasan untuk para atlet menimba pengalaman serta mengukur kemampuan dengan bersaing bersama Sekolah-sekolah Sukan terbaik dari Thailand, Malaysia, Singapura dan Indonesia. Kali terakhir Sekolah Sukan menyertai Kejohanan Sekolah Sukan Thailand ini adalah pada tahun 2025.



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Danny bin Aimi dan Pengetua Sekolah Sukan Negara Brunei Darussalam, Awang Alexandar bin Bandang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn